KOLEKSI NATASHA

7 pahala selepas mati

Dari Anas r.a. berkata

Dari Anas r.a. berkata bahawa ada tujuh macam pahala yang dapat diterima seseorang itu selepas matinya.

1. Sesiapa yang mendirikan masjid maka ia tetap pahalanya selagi masjid itu digunakan oleh orang untuk beramal ibadat di dalamnya.

2. Sesiapa yang mengalirkan air sungai selagi ada orang yang minum daripadanya.

3. Sesiapa yang menulis mushaf ia akan mendapat pahala selagi ada orang yang membacanya.

4. Orang yang menggali perigi selagi ada orang yang menggunakannya.

5. Sesiapa yang menanam tanam-tanaman selagi ada yang memakannya baik dari manusia atau burung.

6. Mereka yang mengajarkan ilmu yang berguna selama ia diamalkan oleh orang yang mempelajarinya.

7. Orang yang meninggalkan anak yang soleh yang mana ianya selalu mendoakan kedua orang tuanya dan beristighfar baginya

8. yakni anak yang selalu diajari ilmu Al-Qur'an maka orang yang mengajarnya akan mendapat pahala selagi anak itu mengamalkan ajaran-ajarannya tanpa mengurangi pahala anak itu sendiri.

Abu Hurairah r.a. berkata, Rasulullah S.A.W. telah bersabda : "Apabila telah mati anak Adam itu, maka terhentilah amalnya melainkan tiga macam :

1. Sedekah yang berjalan terus (Sedekah Amal Jariah)

2. Ilmu yang berguna dan diamalkan.

3. Anak yang soleh yang mendoakan baik baginya

Ayat kursi menjelang tidur

Abu Hurairah r.a. pernah ditugaskan

Abu Hurairah r.a. pernah ditugaskan oleh Rasulullah S.A.W untuk menjaga gudang zakat di bulan Ramadhan. Tiba-tiba muncullah

seseorang, lalu mencuri segenggam makanan. Namun kepintaran Hurairah memang patut dipuji, kemudian pencuri itu kemudian berhasil ditangkapnya.

"Akan aku adukan kamu kepada Rasulullah S.A.W," gertak Abu Hurairah. Bukan main takutnya pencuri itu mendengar ancaman Abu Hurairah, hingga kemudian ia pun merengek-rengek : "Saya ini orang miskin, keluarga tanggungan saya banyak, sementara saya sangat memerlukan makanan."

Maka pencuri itu pun dilepaskan. Bukankah zakat itu pada akhirnya akan diberikan kepada fakir miskin ? Hanya saja, cara memang keliru. Mestinya jangan keliru.

Keesokan harinya, Abu Hurairah melaporkan kepada Rasulullah S.A.W. Maka bertanyalah beliau : "Apa yang dilakukan kepada tawananmu semalam, ya Abu Hurairah?"

Ia mengeluh, "Ya Rasulullah, bahawa ia orang miskin, keluarganya banyak dan sangat memerlukan makanan," jawab Abu Hurairah. Lalu diterangkan pula olehnya, bahawa ia kasihan kepada pencuri itu, lalu dilepaskannya.

"Bohong dia," kata Nabi : "Pada hala nanti malam ia akan datang lagi."

Kerana Rasulullah S.A.W berkata begitu, maka penjagaannya diperketat, dan kewaspadaan pun ditingkatkan.Dan, benar juga, pencuri itu kembali lagi, lalu mengambil makanan seperti kelmarin. Dan kali ini ia pun tertangkap.

"Akan aku adukan kamu kepada Rasulullah S.A.W," ancam Abu Hurairah, sama seperti kelmarin. Dan pencuri itu pun sekali lagi meminta ampun : "Saya orang miskin, keluarga saya banyak. Saya berjanji esok tidak akan kembali lagi."

Kasihan juga rupanya Abu Hurairah mendengar keluhan orang itu, dan kali ini pun ia kembali dilepaskan. Pada paginya, kejadian itu dilaporkan kepada Rasulullah S.A.W, dan beliau pun bertanya seperti kelmarin. Dan setelah mendapat jawapan yang sama, sekali lagi Rasulullah menegaskan : "Pencuri itu bohong, dan nanti malam ia akan kembali lagi."

Malam itu Abu Hurairah berjaga-jaga dengan kewaspadaan dan kepintaran penuh. Mata, telinga dan perasaannya dipasang baik-baik. Diperhatikannya dengan teliti setiap gerak-geri disekelilingnya sudah dua kali ia dibohongi oleh pencuri. Jika pencuri itu benar benar datang seperti diperkatakan oleh Rasulullah dan ia berhasil menangkapnya, ia telah bertekad tidak akan melepaskannya sekali lagi. Hatinya sudah tidak sabar lagi menunggu-nunggu datangnya pencuri jahanam itu. Ia kesal. Kenapa pencuri kelmarin itu dilepaskan begitu sahaja sebelum diseret ke hadapan Rasulullah S.A.W ? Kenapa mahu saja ia ditipu olehnya ? "Awas!" katanya dalam hati. "Kali ini tidak akan kuberikan ampun."

Malam semakin larut, jalanan sudah sepi, ketika tiba-tiba muncul sesosok bayangan yang datang menghampiri longgokan makanan yang dia jaga. "Nah, benar juga, ia datang lagi," katanya dalam hati. Dan tidak lama kemudian pencuri itu telah bertekuk lutut di hadapannya dengan wajah ketakutan. Diperhatikannya benar-benar wajah pencuri itu. Ada semacam kepura-puraan pada gerak-gerinya.

"Kali ini kau pastinya kuadukan kepada Rasulullah. Sudah dua kali kau berjanji tidak akan datang lagi ke mari, tapi ternyata kau kembali juga. Lepaskan saya," pencuri itu memohon. Tapi, dari tangan Abu Hurairah yang menggenggam erat-erat dapat difahami, bahawa kali ini ia tidak akan dilepaskan lagi. Maka dengan rasa putus asa ahirnya pencuri itu berkata : "Lepaskan saya, akan saya ajari tuan beberapa kalimat yang sangat berguna."

"Kalimat-kalimat apakah itu?" Tanya Abu Hurairah dengan rasa ingin tahu. "Bila tuan hendak tidur, bacalah ayat Kursi : Allaahu laa Ilaaha illaa Huwal-Hayyul Qayyuuumu….. Dan seterusnya sampai akhir ayat. Maka tuan akan selalu dipelihara oleh Allah, dan tidak akan ada syaitan yang berani mendekati tuan sampai pagi."

Maka pencuri itu pun dilepaskan oleh Abu Hurairah. Agaknya naluri keilmuannya lebih menguasai jiwanya sebagai penjaga gudang. Dan keesokan harinya, ia kembali menghadap Rasulullah S.A.W untuk melaporkan pengalamannya yang luar biasa tadi malam. Ada seorang pencuri yang mengajarinya kegunaan ayat Kursi.

"Apa yang dilakukan oleh tawananmu semalam?" tanya Rasul sebelum Abu Hurairah sempat menceritakan segalanya.

"Ia mengajariku beberapa kalimat yang katanya sangat berguna, lalu ia saya lepaskan," jawab Abu Hurairah.

"Kalimat apakah itu?" tanya Nabi.

Katanya : "Kalau kamu tidur, bacalah ayat Kursi : Allaahu laa Ilaaha illaa Huwal-Hayyul Qayyuuumu….. Dan seterusnya sampai akhir ayat. Dan ia katakan pula : "Jika engkau membaca itu, maka engkau akan selalu dijaga oleh Allah, dan tidak akan didekati syaitan hingga pagi hari."

Menanggapi cerita Abu Hurairah, Nabi S.A.W berkata, "Pencuri itu telah berkata benar, sekalipun sebenarnya ia tetap pendusta." Kemudian Nabi S.A.W bertanya pula : "Tahukah kamu, siapa sebenarnya pencuri yang bertemu denganmu tiap malam itu?"

"Entahlah." Jawab Abu Hurairah.

"Itulah syaitan."

Langit dan bumi

Adapun terjadinya peristiwa Israk dan Mikraj

Adapun terjadinya peristiwa Israk dan Mikraj adalah kerana bumi merasa bangga dengan langit. Berkata dia kepada langit, "Hai langit, aku lebih baik dari kamu kerana Allah S.W.T. telah menghiaskan aku dengan berbagai-bagai negara, beberapa laut, sungai-sungai, tanam-anaman, beberapa gunung dan lain-lain."
Berkata langit, "Hai bumi, aku juga lebih elok dari kamu kerana matahari, bulan, bintang-bintang, beberapa falah, buruj, 'arasy, kursi dan syurga ada padaku."
Berkata bumi, "Hai langit, ditempatku ada rumah yang dikunjungi dan

untuk bertawaf para nabi, para utusan dan arwah para wali dan solihin (orang-orang yang baik)."

Bumi berkata lagi, "Hai langit, sesungguhnya pemimpin para nabi dan utusan bahkan sebagai penutup para nabi dan kekasih Allah seru sekalian alam, seutama-utamanya segala yang wujud serta kepadanya penghormatan yang paling sempurna itu tinggal di tempatku. Dan dia menjalankan syari'atnya juga di tempatku."
Langit tidak dapat berkata apa-apa, apabila bumi berkata demikian. Langit mendiamkan diri dan dia mengadap Allah S.W.T dengan berkata, "Ya Allah, Engkau telah mengabulkan permintaan orang yang tertimpa bahaya, apabila mereka berdoa kepada Engkau. Aku tidak dapat menjawab soalan bumi, oleh itu aku minta kepada-Mu ya Allah supaya Muhammad Engkau dinaikkan kepadaku (langit) sehingga aku menjadi mulia dengan kebagusannya dan berbangga."

Lalu Allah S.W.T mengabulkan permintaan langit, kemudian Allah S.W.T memberi wahyu kepada Jibrail A.S pada malam tanggal 27 Rejab, "Janganlah engkau (Jibrail) bertasbih pada malam ini dan engkau 'Izrail jangan engkau mencabut nyawa pada malam ini."
Jibrail A.S. bertanya, " Ya Allah, apakah kiamat telah sampai?"
Allah S.W.T berfirman, maksudnya, "Tidak, wahai Jibrail. Tetapi pergilah engkau ke Syurga dan ambillah buraq dan terus pergi kepada Muhammad dengan buraq itu."
Kemudian Jibrail A.S. pun pergi dan dia melihat 40,000 buraq sedang bersenang-lenang di taman Syurga dan di wajah masing-masing terdapat nama Muhammad. Di antara 40,000 buraq itu, Jibrail A.S. terpandang pada seekor buraq yang sedang menangis bercucuran air matanya. Jibrail A.S. menghampiri buraq itu lalu bertanya, "Mengapa engkau menangis, ya buraq?"

Berkata buraq, "Ya Jibrail, sesungguhnya aku telah mendengar nama Muhammad sejak 40 tahun, maka pemilik nama itu telah tertanam dalam hatiku dan aku sesudah itu menjadi rindu kepadanya dan aku tidak mahu makan dan minum lagi. Aku laksana dibakar oleh api kerinduan."
Berkata Jibrail A.S., "Aku akan menyampaikan engkau kepada orang yang engkau rindukan itu."
Kemudian Jibrail A.S. memakaikan pelana dan kekang kepada buraq itu dan membawanya kepada Nabi Muhammad S.A.W. Wallahu'alam.

Buraq yang diceritakan inilah yang membawa Rasulullah S.A.W dalam perjalanan Israk dan Mikraj.

10 laluan

LALUAN MENUJU KE KUBUR
Jauhkan dari perbuatan mengumpat & mengeji
*Hindarkan perasaan irihati (benci)
*Jangan terpengaruh dengan harta dunia
*Sucikan qadha' hajat dgn istibra (berdehem selepas buang air kecil)

LALUAN UTK BERJUMPA IZRAIL
*Bersihkan diri dgn bertaubat
*gembirakan hati orang mukmin
*Bayar semula kadha (Solat & puasa) yang tertinggal.

*Kasih sepenuh hati pada Allah Ta'ala

LALUAN UTK BERJUMPA MUNGKAR NANGKIR

* Mengucap dua kalimah syahadah
* suka memberi Sedekah
* Berkata Benar
* Bersihkan dan perbaiki diri

LALUAN UTK MEMBERATKAN PERTIMBANGAN
* Belajar atau mengajar ilmu yang bermanfaat
* Sucikan perkataan dan pakaian
* Bersyukur dgn yang sedikit
* Suka dan redha dgn yang didatangkan oleh Allah

LALUAN MEMANTAPKAN AMALAN
* Jauhkan perkataan sia-sia
*Pendekkan cita-cita dunia
* Banyakkan puji pujian kepada Allah
* Banyakkan sedekah dan khairat

LALUAN MELALUI TITIAN SIRAT AL MUSTAKIM
* Kasihanilah aulia Allah Ta'ala
* Berbaktilah pada ibu bapa
* Berpegang teguh pada hukum syarak
* Bercakap perkataan yang baik sesama manusia

LALUAN MENJAUHKAN DIRI DARI NERAKA
* Banyakkan membaca al-quran
* Banyakkan menangis kerana dosa dosa lalu
* tinggalkan perkara yang maksiat
* Jauhkan segala yang haram

LALUAN UTK MEMASUKI SYURGA
* membuat kebajikan seberapa yang boleh
* Kasihi orang yang soleh
* kerjakan segala suruhan allah
* Merendahkan diri di antara sesama makhluk

LALUAN BERJUMPA DENGAN NABI MUHAMMAD
* kasihilah nabi Allah Taala

* kasihilah Rasullullah
* tuntutilah yang difardukan oleh Allah Taala
* banyak selawat Nabi SAW

LALUAN UTK BERTEMU ALLAH
*Serahkan seluruh jiwa raga kepada Allah Taala
* Hindarkan diri dari menderhaka kepada Allah Taala
* betulkan dan baikkan i'tikad kepada Allah Taala

* Bencikan segala yang diharamkan Nya.

Kekuatan api cinta

Alkisah suatu ketika dahulu, Kapak, Gergaji, Palu, dan Nyala Api sedang mengadakan suatu perjalanan bersama-sama. Di suatu tempat, perjalanan mereka terhenti kerana terdapat sepotong besi waja yang menghalang jalan.

Mereka berusaha menyingkirkan besi wajatersebut dengan kekuatan yang mereka miliki masing-masing. “Itu dapat aku singkirkan,” kata Kapak. Pukulan-pukulannya keras sekali menghentam besi yang Kuat dan keras itu. Tapi setiap hentaman hanya membuat kapak itu lebih tumpul sampai ia terpaksa berhenti.

“Sini, biar aku yang urus,” kata Gergaji. Dengan gigi-gigi yang tajam tanpa perasaan, iapun mulai menggergaji. Tapi terkejut dan kecewa ia, semua giginya jadi tumpul dan jatuh.

“Lihat, aku sudah cakap,” kata Palu, “Kan aku sudah cakap anda semua tak dapat lakukan. Sini, sini aku tunjukkan caranya.” Tapi baru sekali ia memukul, kepalanya terpantul sendiri, dan besi tetap tak berubah.

“Boleh aku cuba?” tanya Nyala Api. Dan iapun melingkarkan diri, dengan lembut menggeluti, membelai, memeluk, dan mendakap besi itu erat-eratnya seperti tak mahu melepaskannya lagi. Besi yang keras itupun meleleh cair.

Renungan :Ada banyak hati yang cukup keras untuk melawan kemurkaan dan amukan kemarahan demi harga tinggi. Tapi jarang ada hati yang tahan melawan nyala api cinta kasih yang hangat. Betapa kebijaksanaan ada dalam sebuah kelembutan dan kehangatan, seperti api mencairkan hati yang dingin

Hanya 3 kali

Saat itu, Dhuha, hari terakhir aku di Masjid Nabawi untuk menuju Mekah....... .aku bertanya pada Ibu. "Ibu, ada cerita apa yang menarik dari Umrah....?" Maklum, ini pertama kali aku ber Umrah.
Dan Ibu, memberikan Tausyiahnya. Ibu adalah pemilik Maknah Tour Travel dimana saya menunaikan untuk Umrah di bulan July 2007 yang lalu.Kebetulan umrahku dimulai di Madinah dulu selama 4 hari, baru ke Mekah.Tujuannya adalah mendapatkan saat Malam Jumat di depan Kabah. Jadi aku mempunyai kesempatan untuk bertanya tentang Umrah.
Ibu berkata..."Luqman, Allah hanya memanggil kita 3 kali saja seumur hidup.."Keningku berkerut.... ....
"Sedikitnya Allah memanggil kita..?"Ibu tersenyum.
"Iya, tahu tidak apa 3 panggilan itu..?"
Saya menggelengkan kepala. "Panggilan pertama adalah Azan", ujar Ibu. "Itu adalah panggilan Allah yang pertama. Panggilan ini sangat jelas terdengar di telinga kita, sangat kuat terdengar. Ketika kita solat, sesungguhnya kita menjawab panggilan Allah. Tetapi Allah masih tenang, Dia tidak "cepat marah" akan sikap kita. Kadang kita terlambat, bahkan tidak solat sama sekali kerana malas. Allah tidak marah seketika. Dia masih memberikan rahmatNya, masih memberikan kebahagiaan bagi umatNya, baik umatNya itu menjawab panggilan Azan-Nya atau tidak. Allah hanya akan membalas umatNya ketika hari Kiamat nanti".
Saya terpaku.... .mata saya berkaca-kaca. Terbayang saya masih melambatkan solat kerana meeting lah, sibuk berurusan dengan rakan sepejabatlah, dan lain lain. Masya Allah....... ..

Ibu menyambung, "Luqman, Panggilan yang kedua adalah panggilan Umrah/Haji. Panggilan ini bersifat halus. Allah memanggil hamba-hambaNya dengan panggilan yang halus dan sifatnya "bergiliran" . Hamba yang satu mendapatkan kesempatan yang berbeza dengan hamba yang lain. Jalannya bermacam-macam. Yang tidak punya wang menjadi punya wang, yang tidak merancang pula akan pergi, ada yang memang merancang dan terkabul. Ketika kita mengambil niat Haji / Umrah, berpakaian Ihram dan melafazkan "Labaik Allahuma Labaik", sesungguhnya kita saat itu menjawab panggilan Allah yang ke dua. Saat itu kita merasa bahagia, kerana panggilan Allah sudah kita jawab, meskipun panggilan itu halus sekali. Allah berkata, laksanakan Haji / Umrah bagi yang mampu".
Mata saya semakin berkaca-kaca. ....Subhanallah...... .saya datang menjawab panggilan Allah lebih cepat dari yang saya rancangkan.. .....Alhamdulillah...
"Dan panggilan ke-3", lanjut Ibu, "adalah KEMATIAN.
Panggilan yang kita jawab dengan amal kita. Pada kebiasaan, Allah tidak memberikan tanda tanda secara langsung, dan kita tidak mampu menjawab dengan lisan dan gerakan. Kita hanya menjawabnya dengan amal soleh.
Kerana itu Luqman, manfaatkan waktumu sebaik-baiknya. ..Jawablah 3 panggilan Allah dengan hatimu dan sikap yang Husnul Khotimah.... ....Insya Allah syurga adalah balasannya.. ..."
Mata saya basah di dalam Masjid Nabawi , saya sujud bertaubat pada Allah kerana kelalaian saya dalam menjawab panggilanNya. ....Kala itu hati saya makin yakin akan kebesaranNya, kasih sayangNya dan dengan semangat menyala-nyala, saya mengenakan kain Ihram dan berniat..... ....Aku menjawab panggilan UmrahMu, ya Allah, Tuhan Semesta Alam........

13 maklumat yakjud dan makjud

1. Yakjuj dan Makjuj masih terkurung di dalam bumi dan masih berusaha untuk menembusi tembok pejal yang dibina oleh Zulkarnain.
(Sehingga datang satu masa, mereka sendiri akan sebut Insya Allah besok kita akan korek lain. Besoknya, kesan lubang itu masih ada...)

2. Bila mereka telah bertebaran dimuka bumi, bilangan mereka sangat ramai.

3. Anggota tubuh mereka sangat kuat, telinganya besar macam telinga gajah, bahkan lebih besar dari itu hingga ia menutup tubuhnya dengan telinganya itu.

4.Umur mereka panjang dan kadar kematian mereka amat rendah berbanding manusia lain.

5.Sebelum mereka dibebaskan dari kurungannya, Allah S.W.T akan mengirim nabi Isa A.S untuk membunuh Dajjal. Nabi Isa kemudian akan membawa orang2 beriman ke gunung untuk melindungi mereka dari angkara Yakjuj dan Makjuj.
Bila Allah S.W.T membebaskan mereka dari kurungan, mereka akan memusnahkan segala tumbuhan dan haiwan dibumi ini, bahkan manusia akan dibinasakan dan air-air sungai juga akan kering diminum oleh Yakjuj dan Makjuj.
(Gunung yang dimaksudkan adalah Gunung Tursina (Turisinin didalam surah At-Tiin, Turisaina berdsarkan bhsa)
6. Laungan suara mereka begitu kuat hingga boleh didengar diseluruh bumi, bahkan seluruh penghuni bumi akan bergoncang dan menggeletar ketakutan oleh suaranya itu.

7. Ditengah keganasan yang mereka lakukan, mereka akan menembakkan anak panah ke Langit dengan tujuan membunuh Allah. Untuk mengelirukan mereka, Allah S.W.T pun menyuruh Malaikat menyapukan darah di mata panah itu supaya mereka menyangka bahawa mereka benar-benar telah membunuh Allah S.W.T.

8. Dengan sangkaan bahawa mereka telah berjaya membunuh Allah S.W.T, mereka pun bertekad untuk menjelajahi langit dan menguasai angkasa lepas.

9. Allah S.W.T akan mengirimkan kuman untuk membinasakan daging dan otot2 ditubuh mereka.

10. Bau busuk dari bangkai mereka akan memenuhi seluruh bumi.

11. Nabi Isa A.S bersama dengan orang beriman yang melarikan diri ke gunung, akan berdoa agar Allah menyelamatkan mereka dari ancaman kuman itu.

12. Awan tebal akan meliputi seluruh udara bumi hingga Allah S.W.T menurunkan hujan selama 40 Hari. Air hujan yang mengalir di bumi akan menjadi merah keraa hujan itu menyuci darah dan bau busuk di udara bumi, hingga bumi dan udaranya kembali BERSiH.

13. Manusia beriman yang terselamat dari bencana besar itu akan berusaha memulihkan kesuburan bumi dan kedamaian diantara mereka, untuk berbakti kepada Allah S.W.T kerana agama pada ketika itu adalah ISLAM

Resume syaitan

Nama sebenar : Iblis Laknatullah
Nama glamour : Hantu,syaitan,pelesit,jembalang,langsuir dll
Kelahiran : Bermula dari keengganannya sujud kepada Nabi Adam a.s
Status diri : Fasik kelas pertama
Agama : Kufur
Tempat Tinggal : Di hati-hati mereka yang lalai
Alamat Tetap : Neraka jahanam
Isteri : Setiap wanita yang tidak menutup aurat, tidak mentaati Allah,Rasul dan suaminya
Kaum kerabat : Semua golongan yang menentang dan memusuhi Allah
Cita-Cita
Modal pusingan : Angan angan kosong dan tipu daya yg halus
Tempat pertemuan : Konsert-konsert hiburan,Pasar-pasar dan di semua tempat jual beli
Musuh ketat : Setiap orang Islam yang beriman dan bertakwa
Sahabat karib : Anak-anak Adam
Motto kerja : 'Hipokrasi asas akhlak'
Hobi : Melalaikan orang dari mengingati Allah, menggoda manusia lalu menyesatkannya
Cita cita : Supaya semua makhluk di muka bumi ini menjadi kafir
Tempat Operasi & Rakan setugas
Sukan (yg tidak digemari) : Acara Langkah seribu (Semasa Malaikat Maut ingin mencabut nyawa)
Kelemahan diri : Bila Manusia membaca istighfar
Mentor yg dikagumi : Manusia yg mempunyai berkelebihan lebih dari dirinya
Logo : Sebarang tatoo
Pejabat operasi : Tandas,bilik air, tempat yang bernajis dan kotor serta tempat-tempat maksiat
Rakan kongsi : Golongan munafik serta syaitan-syaitan dari kalangan jin dan manusia
Sumber pendapatan : Segala harta yang diperoleh dengan jalan haram dan riba
Jenis perkhidmatan : Menggalakkan manusia mengerjakan kemungkaran dan derhaka terhadap Allah SWT
Tempoh perkhidmatan: Sehingga hari khiamat
Matlamat Sebenar : Membawa Anak cucu Adam bersama-sama ke Neraka Jahanam
Teman sejawat : Orang yang suka mendiamkan dirinya dari menyatakan kebenaran
Ganjaran : Dosa-dosa kecil/besar dan kemurkaan Allah
Pembantu setia : Orang yang suka mengumpat, mencaci, memaki hamun, menghasut, pendengki dan pendendam
Pengalaman & Kenangan
Peristiwa yg tak dapat dilupakan : Semasa Allah menjadikan Nabi Adam a.s
Kenangan manis : Di waktu manusia diambang shakratulmaut, mati dalam kekafiran
Kenangan pahit : Manusia yg digodanya mati dalam keimanan
Makanan kegemaran : Daging orang mati, segala najis dan kotoran
Minuman yg digemari : Wiski,brandi,taqila,todi,wine,arak dan semua minuman yg memabukkan
Yang paling ditakuti: Orang mukmin yang bertakwa
Yang paling dibenci : Orang yang sentiasa berzikir dan mengingati Allah
Alat perangkap : Wanita-wanita cantik,model,pelacur,pragawati,dan sebagainya
Saat ajal : Bila tiba waktu yang ditentukan Allah di hari kiamat kelak
Saat mendukacitakan
Yg paling membosankan : Bila tiada lagi manusia yg mahu mengikuti kemahuannya
Tugas yg paling meletihkan : Menganggu manusia kearah kebaikkan kerana Allah Taala
Tugas yang paling disukai : Mengajak melakukan Homoseks,lesbian dan berzina
Janji kepada manusia : Janji janji kosong,angan angan dan tipu daya
Yang membuatnya gembira : Manusia yg mengikut jejak langkahnya
Saat yg mendukacitakannya : Manusia yg mempunyai cita cita untuk bertaubat
Yang membuatnya menangis : Bila Manusia yg disayanginya sujud kepada Allah SWT"

Kekuatan Bismillah

Ada seorang perempuan tua yang taat beragama

Ada seorang perempuan tua yang taat beragama, tetapi suaminya seorang yang fasik dan tidak mahu mengerjakan kewajipan agama dan tidak mahu berbuat kebaikan.
Perempuan itu sentiasa membaca Bismillah setiap kali hendak bercakap dan setiap kali dia hendak memulakan sesuatu sentiasa didahului dengan Bismillah. Suaminya tidak suka dengan sikap isterinya dan sentiasa memperolok-olokkan isterinya.
Suaminya berkata sambil mengejak, "Asyik Bismillah, Bismillah. Sekejap-sekejap Bismillah."

Isterinya tidak berkata apa-apa sebaliknya dia berdoa kepada Allah S.W.T. supaya memberikan hidayah kepada suaminya. Suatu hari suaminya berkata : "Suatu hari nanti akan aku buat kamu kecewa dengan bacaan-bacaanmu itu."
Untuk membuat sesuatu yang memeranjatkan isterinya, dia memberikan wang yang banyak kepada isterinya dengan berkata, "Simpan duit ini." Isterinya mengambil duit itu dan menyimpan di tempat yang selamat, di samping itu suaminya telah melihat tempat yang disimpan oleh isterinya. Kemudian dengan senyap-senyap suaminya itu mengambil duit tersebut dan mencampakkan beg duit ke dalam perigi di belakang rumahnya.

Setelah beberapa hari kemudian suaminya itu memanggil isterinya dan berkata, "Berikan padaku wang yang aku berikan kepada engkau dahulu untuk disimpan."
Kemudian isterinya pergi ke tempat dia menyimpan duit itu dan diikuti oleh suaminya dengan berhati-hati dia menghampiri tempat dia menyimpan duit itu dia membuka dengan membaca, "Bismillahirrahmanirrahiim." Ketika itu Allah S.W.T. menghantar malaikat Jibrail A.S. untuk mengembalikan beg duit dan menyerahkan duit itu kepada suaminya kembali.

Alangkah terperanjat suaminya, dia berasa bersalah dan mengaku segala perbuatannya kepada isterinya, ketika itu juga dia bertaubat dan mula mengerjakan perintah Allah, dan dia juga membaca Bismillah apabila dia hendak memulakan sesuatu kerja.

Cecahkan dirimu kesejadah

Cecahkan dahimu ke sejadah

Bersihkanlah dirimu sebelum kamu dimandikan
Berwudhu'lah kamu sebelum kamu diwudhu'kan
Dan solatlah kamu sebelum kamu disolatkan

Tutuplah 'auratmu sebelum 'auratmu ditutupkan
Dengan kain kafan yang serba putih
Pada waktu itu tidak guna lagi bersedih
Walaupun orang yang hadir itu merintih

Selepas itu kamu akan diletak di atas lantai
Lalu dilaksanakanlah solat Jenazah
Dengan empat kali takbir dan satu salam
Berserta Fatihah, Selawat dan doa
Sebagai memenuhi tuntutan Fardhu Kifayah

Tapi apakah empat kali takbir itu dapat menebus
Segala dosa meninggalkan solat sepanjang hidup?
Apakah solat Jenazah yang tanpa rukuk dan sujud
Dapat membayar hutang rukuk dan sujudmu yang telah luput?
Sungguh tertipulah dirimu jika beranggapan demikian

Justeru kumenyeru sekelian Muslimin dan Muslimat
Usungl! ah dirimu ke tikar solat
Sebelum kamu diusung ke liang lahad
Menjadi makanan cacing dan makanan ulat

Iringilah dirimu ke masjid
Sebelum kamu diiringi ke Pusara
Tangisilah dosa-dosamu di dunia
Kerana tangisan tidak berguna di alam baqa'

Sucikanlah dirimu sebelum kamu disucikan
Sedarlah kamu sebelum kamu disedarkan
Dengan panggilan 'Izrail yang menakutkan
Berimanlah kamu sebelum kamu ditalkinkan

Kerana ianya berguna untuk yang tinggal
Bukan yang pergi
Beristighfarlah kamu sebelum kamu diistighfarkan
Namun ketika itu istighfar tidak menyelamatkan
Ingatlah di mana saja kamu berada
Kamu tetap memijak bumi Tuhan
Serta menikmati rezeki Tuhan

Justeru bila Dia menyeru, sambutlah seruan-Nya
Sebelum Dia memanggilmu buat kali yang terakhirnya
Ingatlah kamu dahulu hanya setitis air yang tidak bererti Lalu menjadi
segumpal darah Lalu menjadi seketul daging
Lalu daging itu membaluti tulang
Lalu jadilah kamu insan y! ang mempunyai erti
Ingatlah asal usulmu yang tidak bernilai itu
Yang kalau jatuh ke tanah
Ayam tak patok itik tak sudu
Tapi Allah mengangkatmu ke suatu mercu
Yang lebih agung dari malaikat
Lahirmu bukan untuk dunia
Tapi gunakanlah ia buat melayar bahtera akhirat

Sambutlah seruan 'Hayya 'alas Solaah'
Dengan penuh rela dan bersedia
Sambutlah seruan 'Hayya 'alal Falaah'
Jalan kemenangan akhirat dan dunia

Ingatlah yang kekal ialah amal
Menjadi bekal sepanjang jalan
Menjadi teman di perjalanan
Guna kembali ke pangkuan Tuhan

Wasiat untuk umat islam

INGATLAH APABILA ANDA MENERIMA WASIAT INI, JANGANLAH DIBIARKAN ATAU DIABAIKAN DAN NIAT ANDA MENGEDARKAN.

WASIAT INI ADALAH KERANA ALLAH, DAN BUKANYA TAKUT TERHADAP BENCANA YANG AKAN MENIMPA.
WASIAT UNTUK UMAT ISLAM DI SELURUH DUNIA.

Daripada Sheikh Ahmad - Madinah, Saudi Arabia, pada suatu malam ketika hamba membaca Al-Quran di makam Rasullullah s.a.w. selepas hamba membaca lalu tertidur. Dalam tidur, hamba bermimpi Rasullullah
s.a.w. mendatangi hamba lalu bersabda:-

Dalam 60,000 orang yang meninggal dunia di zaman ini, tak seorang pun matinya dalam keadaan yang beriman.

1. Isteri tiada mendengar kata-kata suami,

2. Orang kaya tidak lagi bertimbangrasa kepada orang miskin.

3. Ramai yang tidak berzakat dan tidak lagi berbuat kebajikan.

Sampaikan kepada orang-orang Islam ini, supaya membuat kebajikan kerana hari penghabisan akan tiba di mana:-
1. Semua bintang akan terbit dari langit, sesudah itu pintu langit akan tertutup.

2. Tulisan dalam Al-Quran akan hilang.

3. Matahari akan turun di atas kepala.

Pesan Hamba :-

1. Berselawatlah untuk junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w

2. Bertaubatlah dengan segera sementara pintu taubat masih terbuka.

3. Janganlah derhaka kepada ibu-bapa.

Untuk peringatan !!

1. Seorang saudara B ombay telah menerima wasiat ini dan beliau telah mencetak 20 salinan dan mengirimkan kepada orang lain. Ia kemudian dianugerahi Allah dengan mendapat keuntungan besar dalam perniagaannya.

2. Seorang hamba Allah telah menerima wasiat serupa tetapi tidak mengindahkannya dan menggangap wasiat ini adalah palsu, maka selang beberapa lama anaknya meninggal dunia.

3. Pada tahun 1977b Tun Dato' Mustapha, bekas Ketua Menteri Sabah menerima wasiat ini, kemudian beliau mengarahkan setiausahanya mencetak sebanyak 20 salinan dan menghantarkan kepada orang maka selang berapa hari kemudian dia telah menerima hadiah pertama dari Kebajikan Masyarakat di Malaysia Timur.

4. Tan Sri Ghazali, jawi bekas menteri secara tidak langsung telah di pecat daripada jawatanya kerana apabila menerima wasiat ini beliau telah terlupa mencetak 20 salinan untuk diedarkan kepada orang lain. Tetapi beliau telah menyesal dengan kesilapannya lalu segera membuat 20 salinan dan terus mengirimkan kepada orang lain. Beberapa hari kemudian beliau telah dilantik menjadi menteri kabinet.

5. Perdana Menteri Zulfikar Ali Bhutto telah menerima wasiat ini dan tidak percaya akan kebenarannya dan anggapannya palsu lalu dibuangkannya ke dalam tong sampah. Seminggu kemudian beliau telah dijatuhkan hukuman pancung sampai mati.

6. Terengganu, seorang perkerja bengkel kenderaan menerima wasiat ini dari pengirim yang tidak dikenali dari Perak. Lalu membuat 20 salinan sepertimana dituntut. Alhamdulillah dia telah dianugerahi seorang gadis berakhlak sebagai isteri. Baginya penganugerahan ini paling agung dan tidak ada tolak bandinganya.

7. Di Terenganu juga seorang hamba Allah telah menerima wasiat ini dari kawannya di Melaka, malangnya dia tidak mengindahkannya dan mengatakan ianya bohong belaka dan sengaja diada-adakan untuk menakut-nakutkan orang yang membacanya, berapa hari kemudian dia mendapat penyakit ganjil dan penderitaannya sukar dirawat oleh doktor, akhirnya beliau teringat akan wasiat

ini yang masih ada dalam simpanannya, lalu menyuruh sepupunya mencetak wasiat ini dan berikan kepada orang lain. Seminggu kemudian beliau pun beransur pulih sehingga sekarang.

Banyak lagi contoh orang-orang yang menerima wasiat ini dan tidak mempercayai dan tidak mengirimkan kepada orang lain di mana mereka mendapat pelbagai malapetaka. Setelah mengenangkan kejadian yang mengembirakan dan meyakinkan ini, anda jangan lupa menyampaikan 20 salinan dalam masa 96 jam dari masa anda menerimanya. Insyaalah, anda akan memperolehi sesuatu daripada ALLAH dengan penuh keyakinan.

Pastinya ianya akan menerangi hidup anda dengan nikmat keuntungan hidup.
PERHATIAN :
Setelah membacanya wasiat ini, hendaklah di tulis atau dicetak dan disampaikan kepada orang lain atau
dikirimkan kepada orang lain sebanyak 20 salinan.
Sekiranya ini telah dilakukan, anda akan dianugerahi
oleh ALLAH sesuatu niat dan hajat anda. Hajat anda
akan di kabulkan oleh ALLAH, kata Sheikh Ahmad lagi.
Jika apa yang hamba katakan ini tidak benar, biarlah
hamba mati dalam kekotoran dan biarlah tidak mendapat perlindungan atau syafaat daripada Rasullullah s.a.w.

Oleh itu, hendaklah ditulis atau dicetak sebanyak 20
salinan dan sampaikan kepada orang lain. Dalam masa
seminggu atau dua minggu anda akan beroleh kebahagian dan ingatlah :
Lakukan ini dengan niat anda kepada Allah s.w.t.
INGATLAH APABILA ANDA MENERIMA WASIAT INI, JANGANLAH DIBIARKAN ATAU DIABAIKAN DAN NIAT ANDA MENGEDARKAN WASIAT INI ADALAH KERANA ALLAH DAN BUKANNYA TAKUT TERHADAP BENCANA YANG AKAN MENIMPA.

Cantiknya wanita itu

Cantiknya seorang wanita itu sebagai GADIS
Bukan kerana merah kilauan lipstik
Pada bibir memekar senyuman kosmetik
Tetapi pada keperibadian terpelihara
Kelembutan kesopanan menghiasi jiwa

Cantiknya seorang wanita itu sebagai REMAJA
Tidak pada kulitnya mulus menggebu terdedah
Untuk menggoda pandangan nafsu mata
Tetapi pada kehidupan terjaga
Dari menjadii mangsa tohmahan dunia

Cantiknya seorang wanita itu sebagai HAWA
Tidak kerana bijak meruntun iman kaum Adam
Sehingga turunkan insan ke dunia
Tetapi menjdi pembakar semangat perwira
Menjadi tunjang perjuangan syuhada

Cantiknya seorang wanita itu sebagai ANAK
Tidak menjerat diri pada lembah kedurhakaan
Mengalir mutiara di kelopak mata
Tetapi menjadi penyelamat ibu bapa
Pada hari kebangkitan bermula

Cantiknya seorang wanita itu sebagai ISTERI
Bukan kerana peneraju kerjaya dalam rumahtangga
Tetapi sentiasa bersama
Menempuh badai disisi suami tercinta

Cantiknya seorang wanita itu sebagai MENANTU
Bukan kerana kemewahan dimata
Tetapi bijak dalam menjauhi persengkolan ipar lamai
Menjadi penghibur hati permata kehidupan

Cantiknya seorang wanita itu sebagai IBU
Bukan terletak pada kebangkitan anak
Dalam setiap pertelingkahan
Tetapi dibawah lembayung kejayaan
Membuai anak dikala suami menjalin impian

Cantiknya seorang wanita itu sebagai MERTUA
Tidak kerana berjaya meruntuh istana
Tetapi jalinan kasih sayang
Tulus hati mengagih kasih setara pada semua

Cantiknya seorang wanita itu sebagai NENEK
Bukan memberi harta dunia
Sehingga generasi lupa
Tetapi menjadi pada pendita
Menjaring teladan para anbia pada anak bangsa

Cantiknya seorang wanita itu sebagai WARGANEGARA
Bukan kerana menyandang puncak dunia
Tetapi bijak menangkis rintangan
Peka membela nasib dan maruah negara
Menjadi tulang belakang keteguhan semua

Cantiknya seorang wanita itu sebagai WARGA TUA
Bukan kerana jernihnya mutiara
Mengalir deras di kelopak mata
Tetapi senantiasa mengumpul cahaya
Menghitung hari dengan selembar nasihat
Cantiknya wanita itu sebagai INTELEKTUALIS
Bukan kerana menjadi sebutan
Sehingga menjulang keegoaan
Tetapi dalam mencari ilmuan
Menyala obor mewangi setanggi profesionalis

Cantiknya wanita itu sebagai MUSLIMAH
Bukan kerana keindahan paras rupa
Sehingga menjadi ingauan mata
Tetapi berpegang Akidah Solehah
Disebalik tirai jiwa
Mengandam rindu kekasih pasrah di atas sejadah
Mengharap keredhaan kehidupan awana

Surat dari syaitan

SURAT DARI SETAN UNTUK MU
Aku melihatmu kemarin, saat engkau memulai aktiviti harianmu.
Kau bangun tanpa sujud mengerjakan subuhmu
Bahkan kemudian, kau juga tidak mengucapkan "Bismillah" sebelum memulai santapanmu, juga tidak sempat mengerjakan shalat Isha sebelum berangkat ketempat tidurmu
Kau benar2 orang yang bersyukur, Aku menyukainya
Aku tak dapat mengungkapkan betapa senangnya aku melihatmu tidak merubah cara hidupmu.
Hai Bodoh, Kamu millikku.
Ingat, kau dan aku sudah bertahun-tahun bersama,
dan aku masih belum bisa benar2 mencintaimu .
Malah aku masih membencimu, karena aku benci Allah.
Aku hanya menggunakanmu untuk membalas dendamku kepada Allah.
Dia sudah mencampakkan aku dari surga, dan aku akan tetap memanfaatkanmu sepanjang masa untuk mebalaskannya
Kau lihat, ALLAH MENYAYANGIMU dan dia masih memiliki rencana-rencana untukmu dihari depan.
Tapi kau sudah menyerahkan hidupmu padaku,
dan aku akan membuat kehidupanmu seperti neraka.
Sehingga kita bisa bersama dua kali dan ini akan menyakiti hati ALLAH
Aku benar-benar berterimakasih padamu, karena aku sudah menunjukkan kepada NYA siapa yang menjadi pengatur dalam hidupmu dalam masa2 yang kita jalani
Kita nonton film 'porno' bersama, memaki orang, mencuri, berbohong, munafik, makan sekenyang-kenyangya, bergosip, manghakimi orang, menghujam orang dari belakang, tidak hormat pada orang tua , Tidak menghargai Masjid, berperilaku buruk.
TENTUNYA kau tak ingin meninggalkan ini begitu saja.
Ayuhlah, Hai Bodoh, kita terbakar bersama, selamanya.
Aku masih memiliki rencana2 hangat untuk kita.
Ini hanya merupakansurat penghargaanku untuk mu.
Aku ingin mengucapkan 'TERIMAKASIH' kerana sudah mengizinkanku memanfaatkan hampir semua masa hidupmu.
Kamu memang sangat mudah dibodohi, aku menertawakanmu.

Saat kau tergoda berbuat dosa kamu menghadiahkan tawa.
Dosa sudah mulai mewarnai hidupmu..
Kamu sudah 20 tahun lebih tua, dan sekarang aku perlu darah muda.
Jadi, pergi dan lanjutkanlah mengajarkan orang-orang muda bagaimana berbuat dosa.
Yang perlu kau lakukan adalah merokok, mabuk-mabukan, berbohong, berjudi, bergosip, dan hiduplah se-egois mungkin.
Lakukan semua ini didepan anak-anak dan mereka akan menirunya.
Begitulah anak-anak .
Baiklah, aku persilakan kau bergerak sekarang.
Aku akan kembali beberapa detik lagi untuk menggoda mu lagi.
Jika kau cukup cerdas, kau akan lari sembunyi, dan bertaubat atas dosa-dosamu.
Dan hidup untuk Allah dengan sisa umurmu yang tinggal sedikit.
Memperingati orang bukan tabiatku, tapi diusiamu sekarang dan tetap melakukan dosa, sepertinya memang agak aneh.
Jangan salah sangka, aku masih tetap membencimu.
Hanya saja kau harus menjadi orng tolol yang lebih baik dimata ALLAH.
Catatan : Jika kau benar2 menyayangiku , kau tak akan memberi surat ini dengan siapapun.

ibu......

Tangan Yang Indah

(Kepada sesiapa yang masih ada ibu...)

Ketika ibu saya berkunjung, ibu mengajak saya untuk shopping bersamanya kerana dia menginginkan sepasang kurung yg baru. Saya sebenarnya tidak suka pergi membeli belah bersama dengan orang lain, dan saya bukanlah orang yang sabar, tetapi walaupun demikian kami pergi juga ke pusatmembeli belah tersebut. Kami mengunjungi setiap butik yang menyediakan pakaian wanita, dan ibu saya mencuba sehelai demi sehelai pakaian dan mengembalikan semuanya. Seiring hari yang berlalu, saya mulai penat dan kelihatan jelas riak2 kecewa di wajah ibu.

Akhirnya pada butik terakhir yang kami kunjungi, ibu saya mencuba satu baju kurung yang cantik . Dan kerana ketidaksabaran saya, maka untuk kali ini saya ikut masuk dan berdiri bersama ibu saya dalam fitting room, saya melihat bagaimana ibu mencuba pakaian tersebut, dan dengan susah mencuba untuk mengenakannya. Ternyata tangan-tangannya sudah mulai dilumpuhkan oleh penyakit radang sendi dan sebab itu dia tidak dapat melakukannya, seketika ketidaksabaran saya digantikan oleh suatu rasa kasihan yang dalam kepadanya. Saya berbalik pergi dan cuba menyembunyikan air mata yang keluar tanpa saya sedari. Setelah saya mendapatkan ketenangan lagi, saya kembali masuk ke fitting room untuk membantu ibu mengenakan pakaiannya.

Pakaian ini begitu indah, dan ibu membelinya. Shopping kami telah berakhir, tetapi kejadian tersebut terukir dan tidak dapat dilupakan dari ingatan ..
Sepanjang sisa hari itu, fikiran saya tetap saja kembali pada saat berada di dalam fitting room tersebut dan terbayang tangan ibu saya yang sedang berusaha mengenakan pakaiannya. Kedua tangan yang penuh dengan kasih, yang pernah menyuapi, memandikan saya, memakaikan baju, membelai dan memeluk saya, dan terlebih dari semuanya, berdoa untuk saya, sekarang tangan itu telah menyentuh hati saya dengan cara yang paling berbekas dalam hati saya. Kemudian pada malam harinya saya pergi ke kamar ibu saya mengambil tangannya, lantas menciumnya ... dan yang membuatnya terkejut, saya memberitahunya bahwa bagi saya kedua tangan tersebut adalah tangan yang paling indah di dunia ini. Saya sangat bersyukur bahwa Tuhan telah membuat saya dapat melihat dengan sejelasnya, betapa bernilai dan berrharganya kasih sayang yang penuh pengorbanan dari seorang ibu.

Saya hanya dapat berdoa bahwa suatu hari kelak tangan saya dan hati saya akan memiliki keindahannya tersendiri. Dunia ini memiliki banyak keajaiban, segala ciptaan Tuhan yang begitu agung, tetapi tak satu pun yang dapat menandingi keindahan tangan Ibu...

" JIKA KAMU MENCINTAI IBU MU KIRIMLAH CERITA INI KEPADA ORANG LAIN, AGAR SELURUH ORANG DIDUNIA INI DAPAT MENCINTAI DAN MENYAYANGI IBUNYA".

Note: Berbahagialah yang masih memiliki Ibu.

Dan lakukanlah yang terbaik untuknya..... ......

Petua memotong kuku....

ISNIN
nescaya keluar gila & penyakit dan masuk sihat

SELASA
nescaya keluar sihat dan masukknya penyakit

RABU
nescaya keluar was2 masuk kepapaan

KHAMIS
nescaya keluar penyakit dan masuk penawar

JUMAAT
nescaya keluar dosa masuk pahala dan rahmat

SABTU
nescaya keluar dari tubuhnya ubat dan masukknya penyakit.

AHAD
nescaya keluar kekayaan dan masuk kemiskinan

*kesimpulannya hari yang baik memotong kuku adalah
ISNIN, KHAMIS & JUMAAT*

(dipetik dari buku bertajuk "Pendinding Mukmin")

Alquran juga ada mengajar...

Mandi Pagi sebelum subuh @ sekurang kurangnya sejam sebelum matahari naik. Air sejuk yang meresap kedalam badan boleh mengurangkan lemak mengumpul. Kita boleh saksikan orang mengamal mandi pagi kebanyakan badan tak gemuk.

Rasulullah mengamalkan minum segelas air sejuk (bukan air ais) setiap pagi. Mujarabnya Insayallah jauh dari penyakit (susah nak kena sakit).

Waktu sembahyang subuh disunatkan kita

bertafakur (iaitu sujud sekurang kurangnya seminit selepas membaca doa). Ia boleh mengelak dari sakit pening atau migrin. Ini terbukti oleh para saintis yang membuat kajian kenapa dalam sehari perlu kita sujud. Ahli-ahli sains telah menemui beberapa milimeter ruang udara dalam saluran darah di kepala yg tidak dipenuhi darah. Dengan bersujud maka darah akan mengalir keruang berkenaan.

Dalam kitab juga ada melarang kita makan makanan darat bercampur dengan makanan laut. Nabi pernah menegah kita makan ikan bersama susu. di kuatiri akan cepat mendapat penyakit. Ini terbukti oleh saintis yang menjumpai dimana dalam badan ayam mengandungi ion+ manakala dalam ikan mengandungi ion-, jika dalam suapan ayam bercampur dengan ikan maka terjadi tidakkan balas biokimia yang terhasil yang boleh merosakkan usus kita.

Nabi juga mengajar kita makan dengan tangan dan bila habis hendaklah menjilat jari. Begitu juga ahli saintis telah menjumpa bahawa enzyme banyak terkandung di celah jari jari, iaitu 10 kali ganda terdapat dalam air liur. (enzyme sejenis alat percerna makanan, tanpanya makanan tidak hadam) Wassalam...

Sama2lah kita mengamalkannya.......

WallahuA'lam

Sabda nabi Ilmu itu milik tuhan, barang siapa menyebarkan ilmu
demi kebaikkan insyaallah Allah akan menggandakan 10 kali
kepadanya. "

Untuk adik sharlinie

Segala puji bagi ALLAH Tuhan semesta alam
Salawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW,
keluargaserta sahabat baginda
Ya ALLAH Ya Tuhan kami
Kami lemah Ya ALLAH, hanya kepada Mu
kami mohon pertolongan
Ya ALLAH Tolonglah kami mencari adik
Sharlinie binti Mohd Nashar
Agar kami dapat menjumpainya dalam
keadaan yang selamat
Ya ALLAH Ya Tuhan kami yang melembutkan hati manusia
Lembutkanlah hati penculik adik Sharlinie binti Mohd Nashar
Agar dia dapat memelihara dan mengembalikan adik
Sharlinie kepada ibu bapanya

Ya ALLAH, segala usaha telah kami lakukan
Segala tenaga telah kami kerahkan
Namun Engkau Yang Lebih Berkuasa Sebenarnya
Ya ALLAH, teguhkanlah iman kami ini
Teguhkanlah iman Puan Suraya binti Ahmad dan Encik
Mohd Nashar bin Mat Hussain
Ya ALLAH, apalah cubaan yang menimpa
negara Malaysia sekarang ini
Ya ALLAH, jadikanlah kejiranan kami,
kejiranan yang berkasih sayang
Ya ALLAH, peliharakanlah kami,
lindungilah kami dari orang yang zalim
dan berbuat aniaya di Malaysia ini.
Hanya kepada Mu kami berserah
Kami hanya insan yang amat lemah
Perkenankanlah doa kami ini Ya ALLAH
Amin

Sadakah

Rasulullah s.a.w. bersabda :

"Barangsiapa yang mempunyai harta maka bersedekahlah dengan kekayaannya, dan barangsiapa yang mempunyai ilmu maka bersedekahlah dengan ilmunya dan baangsiapa yang mempunyai tenaga bersedekahlah dengan tenaganya."

Rasulullah s.a.w. pula bersabda :

"Sedekah itu dapat menutup tujuh puluh pintu kejahatan".

Assalamu'alaikum **warahmatullaahi wabarakatuh** ,

Kekuatan Sedekah

Diceritakan dalam sebuah hadist yang diriwayatkan oleh Turmudzi dan Ahmad, seperti berikut : Tatkala Allah Ta'ala menciptakan bumi, maka bumipun bergetar. Lalu Allah menciptakan gunung dengan kekuatan yang telah diberikan kepadanya, ternyata bumipun terdiam. Para malaikat kehairanan akan penciptaan gunung tersebut. Kemudian mereka bertanya "Ya Rabbi, adakah sesuatu dalam penciptaan-Mu yang lebih kuat daripada gunung ?" Allah menjawab, " Ada , iaitu besi" (kita mafhum bahawa gunung batupun boleh menjadi rata ketika dikorek/bore dan diratakan oleh buldozer atau sejenisnya yang dibuat dari besi), Para malaikat bertanya lagi "Ya Rabbi, adakah sesuatu dalam penciptaan-Mu yang lebih kuat daripada besi ?" Allah yang Maha Suci menjawab, " Ada , iaitu api" (besi walau sekeras manapun boleh menjadi cair dan hancur setelah dibakar api), Para malaikat kembali bertanya "Ya Rabbi, adakah sesuatu dalam penciptaan-Mu yang lebih kuat daripada api ?" Allah yang Maha Agung menjawab, " Ada , iaitu air" (api membara sedahsyat apapun niscaya akan padam jika disiram air), Para malaikatpun bertanya kembali "Ya Rabbi, adakah sesuatu dalam penciptaan-Mu yang lebih kuat daripada air ?" Allah yang Maha Tinggi dan Maha Sempurna

menjawab, " Ada , iaitu angin" (air disamudera yang luas akan serta merta terangkat, bergulung-gulung dan menjelma menjadi gelombang raksasa yang dahsyat, tiada lain kerana kekuatan angin. Angin ternyata memiliki kekuatan yang teramat dahsyat), Akhirnya para malaikatpun bertanya lagi "Ya Allah, adakah sesuatu dalam penciptaan-Mu yang lebih dahsyat dari itu semua ?" Allah yang Maha Gagah dan Maha Dahsyat kehebatannya menjawab, " Ada , iaitu **amal anak Adam yang mengeluarkan sedekah dengan tangan kanannya sementara tangan kirinya tidak mengetahuinya** ". Ertinya, yang paling hebat, paling kuat dan paling dahsyat sebenarnya adalah orang yang bersedekah tetapi tetap mampu menguasai dirinya, sehingga **sedekah yang dilakukannya bersih**, **tulus** dan **ikhlas tanpa ada unsur menunjuk-nunjuk ataupun supaya diketahui orang lain** . Berkaitan dengan ikhlas ini, RasulAllah SAW mengingatkan dalam pidatonya ketika beliau sampai di Madinah pada waktu hijrah dari Makkah : "Wahai segenap manusia ! **Sesungguhnya amal itu tergantung kepada niat**, dan seseorang akan mendapatkan (pahala) sesuai dengan apa yang diniatkannya" . Oleh kerana itu hendaknya kita selalu mengiringi sedekah kita **dengan niat yang ikhlas hanya kerana Allah semata**, tanpa berasa ingin dipuji, dianggap dermawan, dihormati, dll yang dapat menjadikan sedekah kita menjadi sia-sia.

Ganjaran bersedekah

RasulAllah Shollallahu Alaihi Wa Sallam menganjurkan kepada kita umatnya untuk memperbanyak sedekah, hal itu dimaksudkan agar rezeki yang Allah berikan kepada kita menjadi bertambah berkah. Allah memberikan jaminan kemudahan bagi orang yang berdekah, ganjaran yang berlipatganda (700 kali) dan sebagai ganti, sebagaimana firman-Nya dan sabda RasuluAllah SAW, sbb :

Allah Ta'ala berfirman, **"Adapun orang yang memberikan (hartanya di jalan Allah) dan bertaqwa dan membenarkan adanya pahala yang terbaik (syurga) maka Kami kelak akan menyiapkan baginya jalan yang mudah "**. {Qs. Al Lail (92) : 5-8}

Allah Ta'ala berfirman, **"Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh bulir, pada tiap-tiap bulir seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki . Dan Allah maha luas (kurnia-Nya) lagi maha mengetahui"** . {Qs. Al Baqarah (2) : 261}

RasulAllah SAW bersabda, "**Setiap awal pagi, semasa terbit matahari, ada dua malaikat menyeru kepada manusia dibumi. Yang satu menyeru, "Ya Tuhan, karuniakanlah ganti kepada orang yang membelanjakan hartanya kepada Allah ". Yang satu lagi menyeru "musnahkanlah orang yang menahan hartanya** ".

Tolak Bala dengan Sedekah

Orang-orang yang beriman sangat sedar dengan kekuatan sedekah untuk menolak bala, kesulitan dan berbagai macam penyakit, sebagaimana sabda RasulAllah SAW , sbb :

" **Bersegeralah bersedekah, sebab yang namanya bala tidak pernah mendahului sedekah**" .

" **Belilah semua kesulitanmu dengan sedekah** ".

" U**batilah penyakitmu dengan sedekah** ".

Banyak dari kita yang sudah mengetahui dan memahami perihal anjuran bersedekah ini, namun persoalannya seringkali kita teramat susah untuk melakukannya kerana kekhuatiran bahawa kita salah memberi, sebagai contoh kadang kala kita enggan memberi sedekah kepada pengemis yang kita temui ditepi jalan dengan anggapan bahawa mereka (pengemis/peminta tsb) menjadikan meminta-minta sebagai pekerjaannya, malas, dll. Padahal sesungguhnya prasangka kita yang demikian adalah bisikan-bisikan syaitan laknatullah yang tidak rela melihat kita berbuat baik (bersedekah), sebaiknya mulai saat ini

hendaknya kita hilangkan prasangka-prasangka yang demikian kerana seharusnya sedekah itu kita niatkan sebagai bukti keimanan kita atas perintah Allah dan rasul-Nya yang menganjurkan umatnya untuk selalu bersedekah,
Masalah mungkin timbul apabila ternyata kemudiannya bahawa sedekah yang kita beri kepada pengemis/peminta tadi tidak tepat sasaran, **bukan lagi urusan kita**, kerana sedekah hakikatnya adalah ladang amal bagi hamba-hamba Allah yang bertakwa. Pengemis/peminta/fakir miskin lainnya adalah ladang amal bagi orang yang berkemampuan, dapat kita bayangkan andaikata tidak ada lagi orang-orang tersebut, kepada siapa lagi kita dapat beramal (bersedekah) ???

Walaubagaimanapun dalam dunia yang semakin gawat dan gayat ini, pemberian sedekah Atau kalau kita termasuk orang yang tidak suka memberi sedekah (kepada pengemis/peminta/fakir miskin) dengan berbagai alasan dan pertimbangan maka biasakanlah bersedekah dengan menyiapkan sejumlah wang sebelum sholat Jum'at dan memasukkan ke kotak-kotak sumbangan yang tersedia dan **biasakan dengan memberi sejumlah minima setiap Jum'at**, misalnya Jum'at ini kita menyumbang RM5 kekotak amal tersebut maka sebaiknya Jum'at berikutnya harus dengan jumlah yang sama, syukur jika boleh diberi lebih dan yang terpentingnya harus diiringi dengan keikhlasan.
Sedekah anda, walaupun kecil tetapi amat berharga disisi Allah Azza Wa Jalla. Orang yang bakhil dan kikir dengan tidak menyedekahkan sebahagian hartanya akan rugi didunia dan akhirat kerana tidak mendapat keberkatan. Jadi, sebenarnya orang yang bersedekah adalah untuk kepentingan dirinya. **Sebab menginfakkan (belanjakan) harta akan memperoleh berkah dan sebaliknya menahannya adalah celaka**. Tidak menghairankan jika orang yang bersedekah diibaratkan orang yang melabur (invest) dan menabung disisi Allah dengan jalan meminjamkan pemberiannya kepada Allah. Balasan yang akan diperolehnya berlipatganda. Mereka tidak akan rugi meskipun pada awalnya mereka kehilangan sesuatu.

Sedekah yg pahalanya terus mengalir

Dari Abu Hurairah RA, bahwa sesungguhnya Rasulullah SAW, telah bersabda : "Bila seorang hamba telah meninggal, **segala amalnya terputus** , kecuali tiga hal : **amal jariyah** , **ilmu yang bermanfaat** atau **anak shalih yang mendo'akannya** " (HR. Bukhari, dalam Adabul Mufrad).
Berikut contoh konkrit, sadaqah (amal) jariah, **yang pahalanya terus mengalir** walaupun si pemberi sadaqah telah wafat :

SADAQAH JARIAH - KEBAIKAN YANG TAK BERAKHIR	**AL SADAQAT AL JARIYAH - THE ACTIONS WHICH OUTLIVES YOU !**
1. Berikan Al-Quran pada seseorang, setiap saat Al-Quran tersebut dibaca, anda mendapatkan kebaikan.	Give Quran to someone and each time they read from it, you will gain hasanaat.
2. Ajarkan seseorang sebuah do'a. Pada setiap bacaan do'a itu, anda mendapatkan kebaikan.	Teach someone to recite a dua. With each recitation, you will gain hasanaat.
3. Sumbangkan kerusi roda ke Hospital dan setiap orang sakit menggunakannya, anda mendapatkan kebaikan.	Donate a wheel chair to a hospital and each time a sick person uses it, you will gain hasanaat.
4. Tanam sebuah pohon. Setiap seseorang atau hewan berlindung dibawahnya atau makan buahnya, anda dapat kebaikan.	Plant a tree. Each time any person or an animal sits under its shade or eats from the tree, you will gain hasanaat.
5. Tempatkan pendingin air di tempat awam.	Place a water cooler in a public place.

6. Edarkan bacaan yang membangun dengan seseorang.	Share constructive reading material with someone.
7. Libatkan diri dalam pembangunan masjid.	Participate in the building of a mosque.
8. Edarkan CD Quran atau Do'a .	Share a dua or Quran CD.
9. Bantulah pendidikan seorang anak.	Help in educating a child.
10. Edarkan pengetahuan ini dengan orang lain. Jika seseorang menjalankan salah satu dari hal diatas, Anda dapat kebaikan sampai hari Qiamat.	Share this with someone. If one person applies any of the above you will receive your hasanaat until the Day of Judgment.

Jadilah dari " **sejuta artikel**" dengan meneruskan artikel ini kepada saudara-saudara kita sesama muslim yang barangkali belum mengetahuinya, sehingga kita tidak dilaknat Allah dan seluruh mahluk kerana tidak menyampaikan (menyembunyikan) apa yang telah kita ketahui, sebagaimana dinyatakan dalam Al-Quran surah Al-Baqarah Ayat 159 :

"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk hidayat, sesudah Kami terangkannya kepada manusia di dalam Kitab Suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk ".

Dari Abdullah bin 'Amru ra, RasulAllah S.A.W bersabda:

"**Sampaikanlah pesanku walaupun hanya satu ayat** ".

Semoga Allah Ta'ala membalas 'amal Ibadah kita.

Jari

Pelbagai hikmah dan tafsiran yang boleh diandaikan di sebalik jari anda yang lima. Cuba perhatikan perlahan-lahan jari anda, Luruskan ia ke hadapan dalam keadaan terbuka. Renung dalam-dalam. Kewajipan solat lima waktu jangan diabaikan.

Kemudian lekapkan jari itu di atas meja, perhatikan. Bermula daripada jari kelingking yang kecil dan kerdil, seperti manusia dan apa sahaja akan bermula daripada kecil kemudian besar dan terus membesar. Itulah fitrah insan dan alam seluruhnya.

Apa sahaja yang dilakukan mesti bermula daripada kecil. Bak kata pepatah "melentur buluh biarlah daripada rebungnya" Kegagalan mendidik di usia ini akan memberi kesan yang besar pada masa hadapan.

Naikkan kepada jari kedua, jari manis namanya. Begitu juga dengan usia remaja. Manisnya seperti jari yang comel mulus ini. Apatah lagi kiranya disarungkan dengan sebentuk cincin bertatahkan berlian, bangga tak terkira.. pada ketika ini, alam remaja menjengah diri.

Awas!! Di usia ini sentiasa dibelenggu dengan pelbagai cabaran dan dugaan. Hanya iman dan taqwa menunjuk jalan kebenaran. Pada usia ini, anda sudah baligh dan mukalaf. Pastinya sudah di pertanggung jawabkan segala amalan di hadapan Rabbul Jalil. Bersediakah anda??

Nah...naik kepada jari ketiga. Jari yang paling tinggi, jari hantu namanya.Zaman remaja ditinggalkan. Alam dewasa kian menjengah. Diperingkat umur 30-an ini seorang itu telah mempunyai status dan identiti dengan ekonomi yang kukuh serta kerjaya yang teguh. Namun, anda mesti berhati-hati kerana di kala ini banyak "hantu-hantu pengacau" yang datang menggoda. Hantu hasad dengki, hantu ego, hantu tamak, hantu iri hati dan seribu macam hantu lagi. Kalau gagal mengawal emosi lantas terus masuk ke jerangkap nafsu dan syaitan. Jesteru itu, amal ibadat mesti dilipatgandakan.

Kita beralih kepada jari telunjuk. Jari inilah yang mengungkap satu dan esanya Allah SWT ketika solat. Genggamkan kesemua jari dan keluarkan jari ini. Gagahnya ia sebagai penunjuk arah, menjadi contoh dan tauladan.Manusia yang berada di tahap usia ini, hendaklah tampil sebagai model kepada generasi baru dan pembimbing yang kaya dengan idea bernas dan minda yang hebat.

Akhir sekali, renung ibu jari. Ianya besar dan pendek tetapi menunjukkan kematangan dan kehebatan yang membanggakan. Tugasnya membenarkan sesuatu dan mentafsirkan pelbagai perkara. Bak kata orang Jawa "cap jempol" atau cap jari. Kalau dia ada semua urusan berjalan lancar. Buat generasi muda, rujuk dahulu kepada orang tua atau yang berpengalaman. Sekiranya petunjuk mereka anda patuhi, nescaya anda boleh berkata "good" atau "yes" sambil menggengam semua jari dan angkat ibu jari ke atas itulah rahsia kejayaan anda.

Akhirul kalam, cuba lihat sekali lagi jari anda yang lima. Renung dan fikir dalam-dalam. dimanakah anda sekarang???

Bagaimana yahudi melemahkan umat islam

Musuh-musuh Islam terutama Yahudi tahu rahsia di mana kekuatan umat Islam dan di mana kelemahannya. Mereka usahakan untuk mengambil tahu supaya di mana kekuatan itu yang hendak dilemahkan dan juga supaya kelemahan umat Islam itu terus dilemahkan. Sepatutnya rahsia ini cendekiawan Islam yang faham, tetapi mereka nampaknya sudah tidak faham di mana kekuatan umat Islam dan di mana kelemahan

mereka.

Oleh kerana cendekiawan Islam sudah tidak tahu lagi rahsia kekuatan dan kelemahan umat Islam, bolehlah kita katakan mereka-mereka yang dikatakan arif dengan ilmu Islam sudah tak boleh jadi pemimpin kepada umat Islam, dengan demikian terdedahlah umat Islam kepada bahaya,kepada musuh Islam terutama Yahudi.

Bagaimana orang Yahudi melemahkan umat Islam?
Di antaranya sebahagiannya kita sebutkan di sini untuk difahami.

Yang pertama :
Orang-orang Yahudi menggalakkan maksiat, dengan digalakkan pergaulan bebas di dalam pelbagai saluran,di dalam pendidikan, di dalam kebudayaan, di dalam ekonomi, supaya keturunan umat Islam terdedah kepada perzinaan, supaya keturunan umat Islam rosak. Bila keturunan umat Islam rosak,hidayah Tuhan tidak dapat. Setidak-tidaknya kalau umat Islam sudah asyik berhiburan, mereka akan lalai dengan tanggungjawabnya kepada Tuhan, seperti cuai sembahyang, seperti tidak memikirkan halal dan haram. Keturunan yang lalai itulah akan menikah kahwin melahirkan generasi, sambung menyambung yang akan datang dan melahirkan Generasi yang tidak dipimpin oleh Tuhan,maka akhirnya mereka hidup di dalam kelemahan.

Yang Kedua:
Begitu juga mereka orang-orang Yahudi mengeluarkan produk-produk makanan dan minuman. Di dalam makanan dan minuman itu dimasukkan unsur-unsur sihir, serta makan minum yang tidak halal supaya jiwa umat Islam yang sudah rosak tak dapat pimpinan Tuhan, hiduplah mereka sebagai haiwan. Kalau mereka hidup macam haiwan, senanglah mereka mengotak-ngatikkan umat Islam. Maka sambung menyambung jugalah generasi umat Islam di dalam kelemahan.

Yang Ketiga:
Begitu juga orang Yahudi merosakkan fikiran umat Islam melalui pendidikan, filem-filem serta bahan-bahan bacaan atau kebudayaan atau melalui ideologi, supaya merosakkan fikiran dan jiwa umat Islam. Kemudian umat Islam itu tak boleh dididik dan disedarkan dan di dalam keadaan itu umat Islam tidak akan kembali kepada Tuhan, dan tidak akan bersatu dan berkasih sayang sesama umat Islam. Kalau mereka berjuang pun tidak mengikut yang dikehendaki oleh Tuhan.

Bila mereka berjuang tidak seperti yang dikehendaki oleh Tuhan, bantuan Tuhan tak datang, tinggallah mereka di dalam kelemahan.

Di waktu itu orang Yahudi mengotak-ngatikkan umat Islam yang di dalam kelemahan. Umat Islam hari ini adalah seperti yang kita gambarkan tetapi mereka yang bertanggungjawab dalam Islam masih tidak sedar juga di mana titik tolak umat Islam ini hendak diberi kekuatan. Mereka masih tercari-cari, masih terjebak dengan ideologi dan fikiran sekular tajaan Yahudi. Kalau Tuhan tidak menunjukkan seorang pemimpin untuk memimpin umat Islam,maka di masa yang akan datang umat Islam di seluruh dunia akan lebih lagi malang.

Bila umat Islam lalai dengan Tuhan, lahirlah golongan-golongan, yang masing-masing ada watak dan sikap bersendirian. Akibatnya satu golongan dengan satu golongan yang lain tidak dapat disatukan dan di dalam keadaan itu musuh-musuh Islam mengambil peluang. Mereka mengotak-ngatikkan umat Islam yang tidak boleh disatukan, maka akhirnya umat Islam termasuk di dalam perangkap musuh. Akhirnya kehinaan pun datang, kehinaan itu berpanjangan dari satu generasi ke satu generasi sambung menyambung. Walaupun ramai umat Islam di dalam kelemahan macam buih-buih di lautan,watak setiap golongan itu seperti berikut yang akan diceritakan. Di antaranya:

Kalau dia orang politik,jatuh menjatuhkan di antara mereka, fikirannya, kuasa dan jawatan. Mudah untuk mendapat musuh, tetapi mudah juga untuk mendapat kawan. Mudah untuk musuh jadi kawan, dan begitu juga sebaliknya amat mudah kawan menjadi musuh. Keadaan itu jadi budaya di dalam kehidupan.

Kalau golongan ekonomi fikirannya mencari keuntungan dan kekayaan, sekalipun orang lain mendapat kesusahan dan penindasan asalkan apa yang penting dapat diperolehi iaitu wang dan kekayaan.

Kalau golongan pendidikan berbangga dengan ilmu pula, dengan ilmunya untuk mendapat jawatan supaya

hidup lumayan. Kemudian megah pun datang dan hidup nafsi-nafsi menjadi budaya, masing-masing hidup cara sendiri.

Kalau golongan artis dan budayawan kerana mencari makan membuatlah filem-filem walaupun hasil dari filem-filem itu hanya merosakkan orang ramai. Yang penting ialah mereka menjadi popular dan dapat glamour, dapat duit senang makan. Senang dapat rumah besar dan kenderaan mewah, walaupun kegiatan mereka itu merosakkan sehingga akhlak orang ramai bercanggah dengan syariat Islam.

Kalau golongan buruh pula mereka asyik fikirkan kenaikan gaji. Kalau menuntut dengan majikan mereka sanggup demonstrasi kerana kenaikan gaji, tidak fikir zaman inflasi. Yang penting majikan naikkan gaji.

Kalau orang-orang agama pula mereka asyik sibuk dengan motivasi dan dakwah, bukan kerana Allah tetapi hendak hidup mewah. Orang biasa menyangka mereka berjuang untuk fisabilillah, tetapi yang sebenarnya mereka berjuang untuk hidup mewah.

Begitu jugalah golongan-golongan lain yang kita tidak sebutkan, mereka masing-masing ada watak dan gaya hidup yang bersendirian. Kita boleh carilah sendiri tidak payahlah diberitahu disini, kita akan tahu sendiri.

Begitulah umat Islam sudah tak fikirkan Tuhan, watak dan sikap tidak boleh disatukan. Masing-masing golongan ada watak dan hidupnya yang tersendiri. Itulah yang berlaku kepada umat Islam di hari ini dan hendak dibetulkan semula semua ini kita memerlukan seorang pemimpin yang ada wibawa,yang boleh menyatukan semua golongan itu.

Kita berdoalah agar Tuhan cepat tunjukkan seorang pemimpin yang ditunjuk oleh Tuhan, untuk memimpin umat Islam dan mendapat bantuan Tuhan untuk menyelesaikan kemelut yang berlaku di kalangan umat Islam, supaya kehinaan itu tidak berpanjangan.

Empat belas perkara sunat dilakukan pada hari Asyura (10 Muharram):

1. Melapangkan masa/belanja anak isteri. Fadilatnya - Allah akan melapangkan hidupnya pada tahun ini.
2. Memuliakan fakir miskin. Fadilatnya - Allah akan melapangkannya dalam kubur nanti.
3. Menahan marah. Fadilatnya - Di akhirat nanti Allah akan memasukkannya ke dalam golongan yang redha.
4. Menunjukkan orang sesat. Fadilatnya - Allah akan memenuhkan cahaya iman dalam hatinya.
5. Menyapu/mengusap kepala anak yatim. Fadilatnya - Allah akan mengurniakan sepohon pokok di syurga bagi tiap-tiap rambut yang disapunya.
6. Bersedekah. Fadilatnya - Allah akan menjauhkannya daripada neraka sekadar jauh seekor gagak terbang tak berhenti-henti dari kecil sehingga ia mati. Diberi pahala seperti bersedekah kepada semua fakir miskin di dunia ini.
7. Memelihara kehormatan diri. Fadilatnya - Allah akan mengurniakan hidupnya sentiasa diterangi cahaya keimanan.
8. Mandi Sunat. Fadilatnya - Tidak sakit (sakit berat) pada tahun itu. Lafaz niat: "Sahaja aku mandi sunat hari Asyura kerana Allah Taala."
9. Bercelak. Fadilatnya - Tidak akan sakit mata pada tahun itu.
10. Membaca Qulhuwallah hingga akhir 1,000X. Fadilatnya - Allah akan memandanginya dengan pandangan rahmah di akhirat nanti.
11. Sembahyang sunat empat rakaat. Fadilatnya - Allah akan mengampunkan dosanya walau telah berlarutan selama 50 tahun melakukannya. Lafaz niat: "Sahaja aku sembahyang sunat hari Asyura empat rakaat kerana Allah Taala." Pada rakaat pertama dan kedua selepas Fatihah dibaca Qulhuwallah 11X.
12. Membaca "has biallahhu wa nik mal wa keel, nikmal maula wa nikmannaseer". Fadilatnya - Tidak mati pada tahun ini.
13. Menjamu orang berbuka puasa. Fadhilat - Diberi pahala seperti memberi sekalian orang Islam berbuka puasa.
14. Puasa. Niat - "Sahaja aku berpuasa esok hari sunat hari Asyura kerana Allah Taala." Fadilat - Diberi pahala seribu kali Haji, seribu kali umrah dan seribu kali syahid dan diharamkannya daripada

neraka.

Ucapan terakhir nabi MUHAMMAD S.A.W

Sabda Nabi Besar kita ,Rasulullah saw , iaitu wasiat terakhirnya semasa memberi Ucapan kepada sahabat sahabat dan Umat Manusia Keseluruhan Nya .

Untuk Disampai kan kepada kita dan Anak cucu kita akan Datang ,Sampai kiamat tutup tirai kehidupan kita di Dunia ini .

Pada 9hb. Zulhijjah Tahun 10 Hijriah di Lembah Uranah, Gunung Arafah. Dengar Baik Baik dan Faham baik baik Bagi mereka Yang Cintai Baginda Rasullilah saw, Bagi yang Kurang Cintai itu ,Baca Macam surat Khabar aja lah, Yang Beriman bila Membaca biar terasa di hati perasaan kita,bertapa sedih Nya menggingatkan Bertapa SAYANG ,KASIHNYA NABI BESAR KITA S.A.W.TERHADAP KITA INI .

Baginda Nabi Besar kita s.a.w. Masa akhirNya pun (Wafat) Masih ingat kan kita . " Umati , Umati , Umati " Umat ku Umat ku Umat ku .Baru lah Baginda Besar kita saw Mengucapkan Dua kalimah Syahadah .
Bila kita sekarang dah terima islam Sepenuh Nya kita tinggalkan ,Sanggup dan Sampai hati perasaan kita ikut BARAT,orang Kafir dari RASULLILAH S.A.W. ,Sediiiiiiiiiiiiiiiiiiiiiiihhhhhhh Nya kita ini .

KAFIR BUKA AURAT , KITA BUKA AURAT .
KAFIR TAK SOLAT ,KITA TAK SOLAT .
HABIS SEMUA KITA IKUT ,DARI ASSALAMMUALAIKUM BERBAHASA ARAB ,DAH TINGGAL ASKOM ,KOM ,AIKUM DAN BERBAGAI BAGAI LAGI .
ISLAM PUN DAH KITA TUKAR , DARI ISLAM AL-QURAN DAN AL-HADIS . DAH JADI ISLAM MADANI ,ISLAM HADHARI ,ISLAM WAHABI ,ISLAM SADIAH ,ISLAM MAKNAWIYAH DAN BERMACAM MACAM LAGI YANG KITA AKAN UBAH KAN ISLAM INI .APA DAH JADI DENGAN KITA INI .MASYALLAH NASIB BAIK KITA TAK BERANI NAK BUAT AL-QURAN SENDIRI AJA LAGI .
YA ALLAH AMPUNI LAH DOSA DOSA DOSA KU INI DAN KAMI SEMUA .
DENGAR LAH BAIK BAIK PESAN NABI BESAR KITA S.A.W. SUPAYA KITA SEMUA TIDAK DI TUDUH SESAT LAGI .
YA ALLAH ,BERI LAH PADA DIRI KU HIDAYAH DAN PERTUNJUK MU,SAYANGI LAH SEMUA KAWAN KAWAN KU YA ALLAH ,YANG KU SAYANGI ,KASIH DAN CINTAI SEPERTI MANA KU CINTAI NABI KU S.A.W.

AMIN YA ALLAH ROBBAL'ALAMIN .

" MAKBUL KAN LAH YA ALLAH ." AMIN KAN LAH KITA SEMUA . *** AMIN ***

terjemah pada Bahasa malaysia ,

Ucapan Nabi Besar Kita S.a.w. kepada Kita Semua yang TERAKHIR ,

" Wahai manusia, dengarlah baik baik apa yang hendak ku katakan. Aku tidak mengetahui apakah aku dapat bertemu lagi dengan kamu semua selepas tahun ini.
Wahai Manusia, saperti mana kamu menganggap bulan ini, dan kota ini sebagai suci, maka anggap lah jiwa dan harta setiap orang Muslim sebagai amanah suci.
Kembalikan harta yang di amanah kepada kamu kepada pemiliknya yang berhak.
Jangan lah sakiti sesiapa pun, agar orang lain tidak menyakiti kamu pula.Ingatlah bahawa sesungguh nya kamu akan menemui Tuhan kamu,

Dan dia pasti membuat perhitungan di atas segala amalan kamu. Allah telah mengharamkan riba', oleh itu segala urusan yang melibatkan riba' di batalkan mulai sekarang.
Berwaspada lah terhadap SYAITAN demi keselamatan agama kamu. Dia tidak berputus asa untuk menyesatkan kamu dalam perkara perkara besar, maka berjaga jagalah supaya kamu tidak mengikutinya dalam perkara perkara kecil.
wahai manusia , sebagaimana kamu mempunyai hak atas para isteri kamu, mereka juga mempunyai hak di atas kamu.
Sekiranya mereka menyempurnakan hak mereka ke atas kamu, maka mereka juga berhak untuk di beri makan dan pakaian dalam suasana kasih sayang.

Layanilah wanita-wanita kamu dengan baik dan berlemah lembutlah terhadap mereka kerana sesungguhnya mereka adalah teman dan pembantu kamu yang setia.
Dan hak kamu atas mereka ialah mereka sama sekali tidak boleh memasukkan orang yang tidak kamu sukai ke dalam rumah kamu dan di larang melakukan zina.
Wahai manusia dengarlah BERSUNGGUH SUNGGUH kata kata ku ini,Sembahlah ALLAH, dirikan sembahyang lima kali sehari, berpuasalah di bulan Ramadhan,dan tunaikan zakat dan harta kekayaan kamu, kerjakan ibadah Haji sekiranya kamu mampu.
Ketahuilah bahawa setiap Mulim adalah saudara kepada Muslim yang lain. Kamu semua adalah sama, tidak saorang pun yang lebih mulia dari yang lainnya kecuali dalam Taqwa dan Beramal Solleh.
Ingatlah, bahawa kamu akan mengadap ALLAH pada suatu hari untuk di pertanggungjawabkan di atas segala apa yang telah kamu kerjakan.
Oleh itu, AWASI LAH agar jangan sekali-kali kamu terkeluar dari landasan KEBENARAN selepas ketiadaanku.
Wahai maanusia, tidak ada lagi Nabi dan Rasul yang akan datang selepasku dan jangan lah di lahir kan AGAMA BARU . Oleh itu wahai manusia, nilailah dangan betul dan fahamilah kata-kataku yang telah di sampaikan kepada kamu.

Sesunguhnya, Aku tinggalkan kepada kamu DUA perkara, yang sekiranya kamu berpegang teguh dan mengikut kedua keduanya, nescaya kamu tidak akan TERSESAT selama-lamanya.
itu lah AL-QURAN dan SUNNAH KU . hendak lah orang orang yang mendengar ucapan ku ini , menyampaikannya kepada orang lain, dan hendak lah orang lain itu menyampaikan pula kepada yang lain.
Semoga yang terakhir lebih memahami kata kataku dari mereka yang mendengar terus dari ku.
SAKSI KAN YA-ALLAH , bahawasanya telah aku sampaikan risalah MU
kepada hamba hamba MU.

KHUTBAH TERAKHIR NABI BESAR KITA MUHAMMAD S.A.W.

YA ALLAH , HAMBA MU SEDIH YA ALLAH .AMPUNI LAH DOSA KU INI .

MAAF LAH KAWAN KAWAN SEMUA KALAU ADA SILAP DAN SALAH ABANG

WEE SELAMA PERSAHABATAN INI .TERGELETAR TANGAN ABANG WEE

INI,NAK TAIP SEMUA INI .KERANA TER LALU SEDIH DAN TAKUT PADA

ALLAH S.W.T.KERANA MASIAT TER LALU BANYAK HARI INI .

DOA SELEPAS SOLAT 5 WAKTU

Sabda Nabi Besar Kita S.a.w.

" Barang siapa tidak menyayangi manusia, Allah tidak akan menyayanginya ”.

Rasulullah saw. Bersabda pada sahabat2Nya ,
"Sekali-kali tidaklah kalian beriman sebelum kalian mengasihi." Wahai Rasulullah, "Semua kami pengasih," jawab mereka.

Berkata Rasulullah, "Kasih sayang itu tidak terbatas pada kasih sayang salah seorang di antara kalian kepada sahabatnya (mukmin), tetapi bersifat umum (untuk seluruh umat manusia)."

Ber Doa ,Ber Usaha dan Bertawakal , Anda Boleh membantu Mengubah Dunia Dengan Bergantung Harapan Pada ALLAH Yang Maha KAYA Lagi Maha PERMURAH !

DOA SELEPAS SOLAT 5 WAKTU .

Ertinya:
“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang segala puji bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.
Pujian yang melengkapi nikmat-Nya, dan pujian yang menambahkan kelebihan-Nya, wahai Tuhan kami, bagiMu segala puja-puji sebagaimana patut kerana kebesaran zatMu dan agung kekuasaanMu”

Ertinya:
“Ya Allah! Tolonglah kami supaya ingat kepadaMu, syukur kepadaMu dan elok ibadah kepadaMu.”

Ertinya:
“Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari kesusahan dan kedukaan. Aku berlindung kepadaMu dari lemah kemahuan dan kemalasan.
Aku berlindung kepadaMu dari sifat pengecut dan bakhil. Dan aku berlindung kepadaMu dari banyak hutang dan kezaliman manusia.”

Ertinya:
“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, segala puji adalah semata-mata untuk Allah, Tuhan Pemerintah alam. Selawat dan salam adalah untuk junjungan besar semulia-mulia Nabi dan Rasul dan begitu juga ke atas keluarga serta sahabat baginda kesemuanya.
Ya Allah! Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami memohon supaya Engkau memelihara kami. KepadaMulah kami pertaruh agama kami. Ahli keluarga kami, harta-harta kami.
Ya Allah, jadikanlah kami dan mereka itu di dalam pemeliharaan, perlindungan, keamanan dan penjagaanMu daripada semua syaitan, dan yang mempunyai mata yang mempunyai kedengkian dan yang mempunyai kejahatan. Sesungguhnya Engkau di atas tiap-tiap sesuatu itu Maha Berkuasa.”

Ertinya:
“Ya Allah! Perbaikilah perdamaian kami dan lembutkan antara hati-hati kami dan tunjukkan kami jalan keselamatan dan lepaskan kami daripada kegelapan kepada cahaya dan jauhkan kami daripada sebarang kejahatan samada yang terang atau yang tersembunyi.
Ya Allah, berkatilah pada pendengaran dan penglihatan kami dan hati-hati kami dan isteri kami dan keturunan kami dan berilah kami taubat, sesungguhnya Engkau Maha Memberi taubat lagi Maha Penyayang dan jadikanlah kami syukur di atas nikmat-nikmatMu, memuji dengan nikmat pemberianMu menerima dengan pemberian akan nikmatMu dan sempurnakan nikmatMu ke atas kami.”

Ertinya :
“Ya Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebajikan dunia dan kebajikan di akhirat dan pelihara kami daripada azab neraka.
Rahmat Allah ke atas penghulu kita, Nabi Muhammad (S.A.W) ke atas keluarga dan para sahabat semuanya.
Maha Suci Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai sifat kemuliaan daripada apa yang mereka gambarkan. Dan, kesejahteraan ke atas segala Rasul dan segala puji semata-mata untuk Allah yang memerintah sekelian alam.”

7 KISAH GANJIL

TUJUH PERKARA GANJIL

Terdapat seorang pemuda yang kerjanya menggali kubur dan mencuri kain kafan untuk dijual. Pada suatu hari, pemuda tersebut berjumpa dengan seorang ahli ibadah untuk menyatakan kekesalannya dan keinginan untuk bertaubat kepada Allah s. w. t. Dia berkata, "Sepanjang aku menggali kubur untuk mencuri kain kafan, aku telah melihat 7 perkara ganjil yang menimpa mayat-mayat tersebut. Lantaran aku merasa sangat insaf atas perbuatanku yang sangat keji itu dan ingin sekali bertaubat." " Yang pertama, aku lihat mayat yang pada siang harinya menghadap kiblat. Tetapi pabila aku menggali semula kuburnya pada waktu malam, aku lihat wajahnya telahpun membelakangkan kiblat. Mengapa terjadi begitu, wahai tuan guru?" tanya pemuda itu.

" Wahai anak muda, mereka itulah golongan yang telah mensyirikkan Allah s. w. t. sewaktu hidupnya. Lantaran Allah s. w. t. menghinakan mereka dengan memalingkan wajah mereka dari mengadap kiblat, bagi membezakan mereka daripada golongan muslim yang lain," jawab ahli ibadah tersebut.

Sambung pemuda itu lagi, " Golongan yang kedua, aku lihat wajah mereka sangat elok semasa mereka dimasukkan ke dalam liang lahad. Tatkala malam hari ketika aku menggali kubur mereka, ku lihat wajah mereka telahpun bertukar menjadi babi. Mengapa begitu halnya, wahai tuan guru?" Jawab ahli ibadah tersebut, " Wahai anak muda, mereka itulah golongan yang meremehkan dan meninggalkan solat sewaktu hidupnya. Sesungguhnya solat merupakan amalan yang pertama sekali dihisab. Jika sempurna solat, maka sempurnalah amalan-amalan kita yang lain," Pemuda itu menyambung lagi, " Wahai tuan guru, golongan yang ketiga yang aku lihat, pada waktu siang mayatnya kelihatan seperti biasa sahaja. Pabila aku menggali kuburnya pada waktu malam, ku lihat perutnya terlalu gelembung, keluar pula ulat yang terlalu banyak daripada perutnya itu."

" Mereka itulah golongan yang gemar memakan harta yang haram, wahai anak muda," balas ahli ibadah itu lagi.

" Golongan keempat, ku lihat mayat yang jasadnya bertukar menjadi batu bulat yang hitam warnanya. Mengapa terjadi begitu, wahai tuan guru?" Jawab ahli ibadah itu, " Wahai pemuda, itulah golongan manusia yang derhaka kepada kedua ibu bapanya sewaktu hayatnya. Sesungguhnya Allah s. w. t. sama sekali tidak redha kepada manusia yang menderhakai ibu bapanya."

" Ku lihat ada pula mayat yang kukunya amat panjang, hingga membelit-belit seluruh tubuhnya dan keluar segala isi dari tubuh badannya," sambung pemuda itu.

" Anak muda, mereka itulah golongan yang gemar memutuskan silaturrahim. Semasa hidupnya mereka suka memulakan pertengkaran dan tidak bertegur sapa lebih daripada 3 hari. Bukankah Rasulullah s. a. w. pernah bersabda, bahawa sesiapa yang tidak bertegur sapa melebihi 3 hari bukanlah termasuk dalam golongan umat baginda," jelas ahli ibadah tersebut.

" Wahai guru, golongan yang keenam yang aku lihat, sewaktu siangnya lahadnya kering kontang. Tatkala malam ketika aku menggali semula kubur itu, ku lihat mayat tersebut terapung dan lahadnya dipenuhi air hitam yang amat busuk baunya,"

" Wahai pemuda, itulah golongan yang memakan harta riba sewaktu hayatnya," jawab ahli ibadah tadi.

" Wahai guru, golongan yang terakhir yang aku lihat, mayatnya sentiasa tersenyum dan berseri-seri pula wajahnya. Mengapa demikian halnya wahai tuan guru?" tanya pemuda itu lagi.

Jawab ahli ibadah tersebut, " Wahai pemuda, mereka itulah golongan manusia yang berilmu. Dan mereka beramal pula dengan ilmunya sewaktu hayat mereka. Inilah golongan yang beroleh keredhaan dan kemuliaan di sisi Allah s. w. t. baik sewaktu hayatnya mahupun sesudah matinya." Ingatlah, sesungguhnya daripada Allah s. w. t kita datang dan kepadaNya jualah kita akan kembali. Kita akan dipertanggungjawabkan atas setiap amal yang kita lakukan, hatta amalan sebesar zarah. Wallahua'lam..

KISAH SEORANG AYAH

Suatu ketika, ada seorang anak perempuan yang bertanya kepada ayahnya,
Tatkala tanpa sengaja dia melihat ayahnya sedang mengusap wajahnya
Yang mulai berkerut-merut dengan badannya yang terbongkok-bongkok, Disertai suara batuk-batuknya.

Anak perempuan itu bertanya pada ayahnya
"Ayah, mengapa wajah ayah kian berkerut-merut dengan badan ayah yang kian hari kian membongkok ?
"Demikian pertanyaannya, ketika ayahnya sedang berehat di beranda.

Si ayah menjawab : "Sebab aku lelaki."

Anak perempuan itu berkata sendirian : "Aku tidak mengerti".
Dengan kerut-kening kerana jawapan ayahnya membuatnya termenung rasa kebingungan.

Ayah hanya tersenyum, lalu dibelainya rambut anaknya itu,
terus menepuk-nepuk bahunya, kemudian si ayah mengatakan
"Anakku, kamu memang belum mengerti tentang lelaki."
Demikian bisik Si ayah, yang membuat anaknya itu bertambah kebingungan.

Kerana perasaan ingin tahu, kemudian si anak itu mendapatkan ibunya lalu bertanya kepada ibunya.
"Ibu, mengapa wajah Ayah jadi berkerut-merut dan badannya kian hari kian membongkok? Dan sepertinya ayah menjadi demikian tanpa ada
keluhan dan rasa sakit?"

Ibunya menjawab:
"Anakku, jika seorang lelaki yang benar-benar bertanggungjawab terhadap keluarga itu memang akan demikian."

Hanya itu jawapan si ibu. Si anak itupun kemudian membesar dan menjadi dewasa, tetapi dia tetap juga kasih tercari-cari jawapan, mengapa wajah
ayahnya yang tampan menjadi berkerut-merut dan badannya menjadi membongkok?

Hingga pada suatu malam, dia bermimpi. Di dalam impian itu seolah-olah dia mendengar suara yang sangat lembut, namun jelas sekali. Dan kata-kata yang terdengar dengan jelas itu ternyata suatu rangkaian kalimah sebagai
jawapan rasa kebingungannya selama ini.

"Saat Ku-ciptakan lelaki, aku membuatnya sebagai pemimpin keluarga serta sebagai tiang penyangga dari bangunan keluarga, dia senantiasa akan berusaha untuk menahan setiap hujungnya, agar keluarganya merasa aman, teduh dan terlindung."

"Ku ciptakan bahunya yang kuat dan berotot untuk membanting-tulang menghidupi seluruh keluarganya dan kegagahannya harus cukup kuat
pula untuk melindungi seluruh keluarganya."

"Ku berikan kemahuan padanya agar selalu berusaha mencari sesuap nasi yang berasal dari titisan keringatnya sendiri yang halal dan bersih, agar keluarganya tidak terlantar, walaupun seringkali dia mendapat cercaan dari anak-anaknya".

"Ku berikan keperkasaan dan mental baja yang akan membuat dirinya pantang menyerah, demi keluarganya dia merelakan kulitnya tersengat
panasnya matahari, demi keluarganya dia merelakan badannya berbasah kuyup kedinginan dan kesejukan kerana tersiram hujan dan dihembus angin, dia relakan tenaga perkasanya dicurahkan demi keluarganya, dan yang selalu dia ingat, adalah disaat semua orang menanti kedatangannya dengan mengharapkan hasil dari jerih-payahnya."

"Kuberikan kesabaran, ketekunan serta kesungguhan yang akan membuat dirinya selalu berusaha merawat dan membimbing keluarganya tanpa adanya keluh kesah, walaupun disetiap perjalanan hidupnya keletihan dan kesakitan
kerapkali menyerangnya".

"Ku berikan perasaan cekal dan gigih untuk berusaha berjuang demi mencintai dan mengasihi keluarganya, didalam suasana dan situasi apapun
juga, walaupun tidaklah jarang anak-anaknya melukai perasaannya, melukai hatinya.Padahal perasaannya itu pula yang telah memberikan perlindungan rasa aman pada saat di mana anak-anaknya tertidur lelap. Serta sentuhan perasaannya itulah yang memberikan kenyamanan bila saat dia sedang menepuk-nepuk bahu anak-anaknyaagar selalu saling menyayangi dan saling mengasihi sesama saudara."

"Ku berikan kebijaksanaan dan kemampuan padanya untuk memberikan pengertian dan kesedaran terhadap anak-anaknya tentang saat kini dan saat mendatang, walaupun seringkali ditentang bahkan dikotak-katikkan oleh anak-
anaknya."

"Ku berikan kebijaksanaan dan kemampuan padanya untuk memberikan pengetahuan dan menyedarkan, bahawa isteri yang baik adalah isteri yang setia terhadap suaminya, isteri yang baik adalah isteri yang senantiasa menemani, dan bersama-sama menghadapi perjalanan hidup baik suka mahupun duka,walaupun seringkali kebijaksanaannya itu akan
menguji setiap kesetiaan yang diberikan kepada isteri, agar tetap berdiri, bertahan, sepadan dan saling melengkapi serta saling menyayangi."

"Ku berikan kerutan diwajahnya agar menjadi bukti, bahawa lelaki itu senantiasa berusaha sekuat daya fikirnya untuk mencari dan
menemukan cara agar keluarganya dapat hidup didalam keluarga bahagia dan badannya yang terbongkok agar dapat membuktikan, bahawa sebagai lelaki yang bertanggungjawab terhadap seluruh keluarganya, senantiasa berusaha
mencurahkan sekuat tenaga serta segenap perasaannya, kekuatannya, kesungguhannya demi kelanjutan hidup keluarganya."

"Ku berikan kepada lelaki tanggungjawab penuh sebagai pemimpin keluarga, sebagai tiang penyangga (seri/penyokong), agar dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya. Dan hanya inilah kelebihan yang dimiliki oleh lelaki, walaupun
sebenarnya tanggungjawab ini adalah amanah di dunia dan akhirat."

Terkejut si anak dari tidurnya dan segera dia berlari, berlutut dan berdoa hingga menjelang subuh. Setelah itu dia hampiri bilik ayahnya yang sedang berdoa, ketika ayahnya berdiri si anak itu menggenggam dan mencium telapak tangan ayahnya.

"Aku mendengar dan merasakan bebanmu, ayah."

p/s: Bila ayah anda masih hidup jangan sia-siakan kesempatan untuk membuat hatinya gembira. Bila ayah anda telah tiada, jangan putuskan tali
silaturahim yang telah dirintisnya dan doakanlah agar Allah selalu menjaganya dengan sebaik-baiknya. Amin

DOA BERKAT JODOH

ya Allah
berkatilah jodohku...
aku pinta padamu...semoga jodohku berpanjangan
janganlah kau susahkan aku
permudahkanlah urusanku...
semoga perjalananku mencari redhamu akan tercapai
permudahkanlah rezeki juga bagiku
kerana sesungguhnya rezeki itu
bagimu amat luas
bukakanlah untuk ku
agar aku dapat nikmati bersama insan yang amat ku sayang

permudahkanlah dia untukku Allah
bagilah dia untukku
timbulkan sayang dia yang makin pudar kepadaku
agar aku tenang dan dapat bertahajud disampingmu

ya Allah
hanya padamu aku panjatkan doa...
semoga dikau permudahkanlah segalanya
perkenankanlah hajatku
dunia dan akhirat
tanpa aku bersusah payah mencari selain darimu
kerana hati ini terlalu lemah ya Allah
jiwaku terlalu uzur
bantulah aku ya Allah
ya Allah
aku pohon kepadamu
berilah kepadaku hidayahmu
agar aku dekat denganmu
berikanlah kepadaku keberkatan rezeki
agar aku dapat berbakti kepada keluarga dan masyarakatku
berikanlah aku rezeki
agar aku tidak susah dan meminta-minta
kepada orang lain
janganlah engkau sempitkan rezekiku
hingga sukar untuk aku bernafas

ya Allah
sesungguhnya aku dibelenggu oleh kesempitan rezeki
dan kekurangan iman
maka berikanlah kepadku semuanya

kerana aku takut
sekiranya perkara ini boleh membawa aku
menjauhi diri darimu

tolonglah aku ya Allah
bantulah aku....

KISAH JIN OLEH USTAZ ISMAIL KAMUS

) Jin berasal dari Jan (Bapak Jin) dan gelarannya Azazil. Dicipta dari api (biru), dan telah beramal puluh ribu tahun lamanya .

2) Apabila Allah swt. memerintahkannya supaya tunduk menghormati Nabi Adam, mereka telah ingkar. Allah swt.
melaknat dan perintah turun ke bumi.

Jin terbahagi kepada dua iaitu Jin Islam dan Syaitan.

3) Jin Islam pula terbahagi kepada dua iaitu Jin Islam(Soleh) dan Jin Tidak Islam (Tidak Soleh).
Syaitan yang turun kesemuanya jahat (tidak Islam).

4) Makanannya dari Api (Asap). Itu sebab orang-orang Melayu dilarang mengunakan kemenyan kerana Jin paling suka dengan asap yang busuk. Tetapi orang-orang melayu ini degil, suka sangat dengan asap kemenyan. Beliau menambah, orang-orang yang suka hisap rokok itu, adik-beradik jin lah tuu.

5) Tempat tinggal Jin seperti di awan, sungai, hutan, lombong, laut, tempat-tempat tinggi (KLCC), tandas dan kubur.

6) Beliau menasihat apabila ingin buang air di perjalanan (contohnya jalanraya), perlu baca " Sala Mun, 'Ala Sulaiman, Fil 'alamin."

Mengikut sirahnya jin sangat takut dengan Nabi Sulaiman. Orang-orang Melayu suka sangat membaca ucapan, "Ampun Datuk, Anak cucu tumpang lalu" Masa bila pulak jin dapat pangkat datuk. Dan masa bila pula, kita jadi cucu cicit jin !!!!

7) Jin tidak mengetahui akan alam ghaib, itu sebab jika ada dukun atau bomoh yang tahu menilik-nilik nasib, pembohong...." Sirahnya apabila Nabi Sulaiman, memerintahkan jin untuk membina istananya, sehingga Nabi Sulaiman meninggal pun jin tidak perasan/tahu.
Semasa itu Nabi Sulaiman duduk di kerusinya dengan tongkat kayu. Dan jin tekun membuat kerja di hadapan-nya. Sehingga anai-anai memakan tongkatnya dan tongkat tersebut reput dan jatuh serta Nabi Sulaiman pun jatuh, maka barulah tahu oleh jin bahawa Nabi Sulaiman telah mangkat.

8) Manusia juga dilarang membuang air di lombong-lombong yang airnya tenang, terutama di waktu tengah malam. Jin suka mandi di situ, waktu itu. Di larang juga buang air di lubang-lubang (tanah).

9) Rumah-rumah yang lama tidak berpenghuni atau rumah yang baru siap belum duduk lagi, jin suka tinggal di situ. Sebelum duduk rumah baru, di galakkan membaca surah Al-Baqarah, sehingga habis. Jin lari selama 3 hari. Tidak perlu tepung tawar bagai.... orang melayu suka sangat menepung tawar !!!

10) Jika budak menangis tengah-tengah malam, azankan 7 ~ 10 kali, jika tidak bacakan ayat Kursi dengan cara 9 kali henti (tekniknya) sebab beliau pernah jumpa orang yang di rasuk.

SEBELUM TIDUR

Rasullah berpesan kepada Aisyah ra :
"Ya Aisyah jangan engkau tidur sebelum melakukan empat perkara, iaitu : >
1. Sebelum khatam Al Qur'an,
2. Sebelum membuat para nabi memberimu syafaat di hari akhir,
3. Sebelum para muslim meredhai kamu,
4. Sebelum kaulaksanakan haji dan umrah.... "

Bertanya Aisyah :
"Ya Rasulullah.... Bagaimana aku dapat melaksanakan empat perkara >seketika?"
Rasul tersenyum dan bersabda :
"Jika engkau tidur bacalah :
Al Ikhlas tiga kali seakan-akan kau mengkhatamkan
Al-Qur'an.
Membacalah selawat untukKu dan para nabi sebelum aku, maka kami semua akan memberi syafaat di hari kiamat.
Beristighfarlah untuk para muslimin maka mereka akan meredhai kamu.
Dan,perbanyaklah bertasbih, bertahmid, bertahlil, bertakbir maka
seakan-akan kamu telah melaksanakan ibadah haji dan umrah"
Kalau rajin.. Tolong sebarkan kisah ini kepada saudara Muslim yang lain.
Ilmu yang bermanfaat ialah salah satu amal yang berkekalan bagi orang yang mengajarnya meskipun dia sudah mati.

CINTAKU PADANYA SUBURKAN

Ya Allah, dengan izinMu,
Telah banyak yang aku lalui
Hingga pernah resah jiwa ini
Hingga pernah gelisah hati ini
Cinta dunia pernah merantai hati
Walau tidak pernah kuzahiri
Dalam sederap langkah perjalanan hidupku

Jika dulu telah Engkau izinkan
Aku merasai kehangatan kasih dalam alpa
Jika dulu Engkau benarkan
Aku menikmati rindu adam kepada hawa
Jika dulu Engkau biarkan
Aku di dalam bahagia yang sementara
Cukuplah wahai tuhanku

Kerana di sebalik semua itu
Aku pernah kehilangan cintaMu
Pernah gersang jiwaku
Pernah tandus imanku
Derita itu merobek ketenanganku
Hatiku yang telah retak semakin retak

Solatku tiada lagi khusyuknya
Rukukku tiada lagi ikhlasnya
Sujudku bersama fikiran yang melayang
entah ke mana
Tahajjudku sudah tiada serinya
Munajatku sudah hilang air matanya
Imanku longlai untuk berkata-kata

Dan Ya Allah
Setelah semua itu aku lalui
Dengan penuh susah, jerih dan payah
Kugagahi jua langkah lemah ini
Berbekal harapan yang tidak pernah mati
Akhirnya kutemui cintaMu yang hakiki
Manisnya kurasai
Bahagia dan ketenangan abadi

Bersama setiap sedutan nafas
Beriramalah tasbih, tahmid dan takbir
Hati ini bahagia dengan mengingatiMu
Hati ini derita bila melupaiMu
Engkaulah Kekasih dan cinta hatiku
Sekalipun tidak
Aku berasa kecewa kerana dikecewakan
Bahkan hati yang retak kembali pulih
Hati yang merana kembali damai
Hati yang sirna kembali menyinar

Syukurku padaMu tuhan
Atas segala kurniaan
Nikmat rasa cinta yang cuma sedikit
padaMu ini,
Jangan Engkau lenyapkan,
Jangan Engkau kuburkan
Tapi, suburkanlah cintaku padaMu tuhan
Biarkan hati ini
Terus mengharap, berpaut dan bergantung
padaMu
Kurniakan kepadaku
Sekeping hati yang kuat
Agar ia terus hidup di dalam cahayaMu
Selamanya
"

AZAN DAN 3 TANDANYA

Renungkanlah WAHAI SEKALIAN HAMBA-HAMBA Allah yang dirahmati ALLAH SWT.
Mengapa
lidah kelu disaat kematian? Tetapi kematian itu pasti menjelma.Hanya masa
dan waktunya yang
tidak kita ketahui. Cuba kita amati.
Mengapa kebanyakan orang yg nazak, hampir ajal tidak dapat berkata apa-apa,
lidahnya kelu,
keras dan hanya mimik mukanya yang menahan kesakitan 'sakaratul maut'.
Diriwayatkan sebuah hadis yg bermaksud:
"Hendaklah kamu mendiamkan diri ketika azan, jika tidak Allah akan kelukan
lidahnya ketika
maut menghampirinya." Ini jelas menunjukkan, kita disarankan agar

mendiamkan diri, jangan
berkata apa-apa pun semasa azan berkumandang. Sebagai orang beragama Islam
kita wajib
menghormati azan.

Banyak fadhilatnya. Jika lagu kebangsaan kita diajar agar berdiri tegak dan
diamkan diri.
Mengapa ketika azan kita tidak boleh mendiamkan diri? Lantas sesiapa yang
berkata-kata ketika azan,
Allah akan kelukan lidahnya ketika nazak.
Kita takut dengan kelunya lidah kita semasa ajal hampir tiba maka kita
tidak dapat mengucap kalimah
"Lailahaillallah.." yang mana sesiapa yang dapat mengucapkan kalimah ini
ketika nyawanya akan
dicabut Allah dgn izinNya menjanjikan syurga untuk mereka. Dari itu marilah
kita sama-sama
menghormati azan dan mohon kepada Allah supaya lidah ini tidak kelu semasa
nyawa kita sedang
dicabut. "Ya Allah! Anugerahkanlah kematian kami dengan kematian yang baik
lagi mulia, lancarkan
lidah kami mengucap kalimah "Lailahaillallah.." semasa sakaratul maut
menghampiri kami. Amin..
amin... amin Yarobbal a'lamin..

" WASIAT NABI MUHAMMAD S.A.W. kepada SAIDINA ALI R.A.;

Wahai Ali, bagi orang MUKMIN ada 3 tanda-tandanya:

1) Tidak terpaut hatinya pada harta benda dunia.

2) Tidak terpesona dengan pujuk rayu.

3) Benci terhadap perbualan dan perkataan sia-sia..

Wahai Ali, bagi orang 'ALIM itu ada 3 tanda2nya:

1) Jujur dalam berkata-kata.

2) Menjauhi segala yg haram.

3) Merendahkan diri.

Wahai Ali, bagi orang yg JUJUR itu ada 3 tanda2nya:

1) Merahsiakan ibadahnya.

2) Merahsiakan sedekahnya.

3) Merahsiakan ujian yg menimpanya.

Wahai Ali, bagi org yg TAKWA itu ada 3 tanda2nya:

1) Takut berlaku dusta dan keji.

2) Menjauhi kejahatan.

3) Memohon yang halal kerana takut jatuh dalam keharaman.

Wahai Ali, bagi AHLI IBADAH itu ada 3 tanda2nya:

1) Mengawasi dirinya.

2) Menghisab dirinya.

3) Memperbanyakkan ibadah kepada Allah s.w.t.

Wang RM 50 atau S$50 kelihatan begitu besar bila dibawa ke kotak derma masjid, tetapi begitu kecil bila kita bawa ke supermarket. 45 minit terasa terlalu lama untuk berzikir tapi betapa pendeknya waktu itu untuk pertandingan
bola sepak. Semua insan ingin memasuki syurga tetapi tidak ramai yang berfikir
dan berbicara tentang bagaimana untuk memasukinya.
Kita boleh mengirimkan ribuan 'jokes' dan 'surat berantai' melalui e-mail tetapi bila
mengirimkan yang berkaitan dengan ibadah seringkali berfikir 2 atau 3 kali.
OLEH ITU JANGAN BIARKAN DIRI KITA INI MENJADI SEBAHAGIAN DARI KELUCUAN TERSEBUT, INSYA'ALLAH.

MARI KITA BERMUJAHADAH

Saudara-saudaraku, semoga dada anda dilapangkan oleh Allah. Ketahuilah bahawa
jalan menuju Allah bukanlah satu jalan yang dipenuhi dengan wangi-wangian
atau bunga-bungaan, sebaliknya ia diselubungi oleh ranjau dan duri.
Rasulullah saw pernah bersabda:

"Neraka tertutup dengan berbagai syahwat hawa nafsu sedangkan syurga tertutup
dengan kesukaran keberatan." (Bukhari, Muslim)

Fahamilah saudara-saudaraku, lantaran kesukaran jalan inilah maka jarang
sekali orang yang melaluinya. Di antara yang menjalaninya pula jarang sekali
yang benar-benar menempuhnya. Di antara yang menempuhinya juga jarang pula
yang sampai kepada tujuannya dan berhasil mencapai apa yang dikejarnya.
Mereka yang berjaya itulah orang yang mulia pilihan Allah untuk makrifat
(mengenal) dan mahabbab (cinta) kepadaNya. Kita bermohon agar Allah swt
memasukkan kita ke dalam golongan yang beruntung dengan memperolehi

rahmatNya. Tanamkanlah ke dalam hati sanubarimu
keazaman untuk menjalani
jalan ini. Renungilah firman Allah:

"Dan barangsiapa yang menghendaki kehidupan akhirat
dan berusaha ke arah itu
dengan bersungguh-sungguh, sedang ia seorang mukmin,
maka mereka itu adalah
orang-orang yang usahanya dibalasi dengan baik." (Al
Israa' : 19)

Ketahuilah, sesungguhnya kesukaran untuk menempuh
jalan ini adalah tampak
dari segi lahirnya sahaja. Umpamanya anda terpaksa
sembahyang lima waktu,
berpuasa sebulan Ramadan dan melakukan lain-lain
peribadatan kepada Allah.
Sememangnya permulaan jalan ini ialah kesukaran tetapi
kesudahannya ialah
kemudahan, atau permulaannya sabar dan kesudahannya
syukur ataupun
permulaannya ialah kepahitan sedangkan kesudahannya
ialah ketenangan jiwa,
ketenteraman fikiran dan kemurniaan hati.

Dari itu jadikanlah kemahuan yang bersungguh-sungguh
sebagai mahkota roh,
kekalahan menjadi belenggu nafsu dan mati menjadi
pakaian badan kerana yang
akan menjadi tempat diammu adalah kubur. Seandainya
saudara-saudara tidak
mampu mengalahkan kehendak hawa nafsu yang menyeru
kepada kejahatan, tanpa
anda bermujahadah dan meletakkannya di bawah
hukum-hukum agama, niscaya hati
anda tidak akan hidup dengan sinaran makrifat.

Kesungguhanmu untuk mendekati Allah akan segera
disambut olehNya sebagaimana
sabda Rasulullah saw:

"Firman Allah: 'Jika seorang hamba mendekat kepadaKu
sejengkal, maka Aku
mendekat kepadaNya sehasta, dan jika mendekat kepadaKu
sehasta, Aku mendekat
kepadanya sedepa. Jika ia datang kepadaKu berjalan,
Aku datang kepadanya
berjalan cepat.'" (Bukhari)

Firman Allah:

"Dan orang-orang yang bermujahadah untuk (mencari
keredhaan) Kami,
benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka
jalan-jalan Kami. Dan
sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang
yang berbuat baik." (Al
Ankabuut : 69)

PESANAN ROH KEPADA MANUSIA

Apabila roh keluar dari jasad, ia akan berkata-kata dan seluruh isi alam sama ada di langit atau bumi akan mendengarnya kecuali jin dan manusia.Apabila mayat dimandikan, lalu roh berkata : "Wahai orang yang memandikan, aku minta kepadamu kerana Allah untuk melepaskan pakaianku dengan perlahan-lahan sebab pada saat ini aku beristirahat daripada seretan malaikat maut".Selepas itu, mayat pula bersuara sambil merayu: "Wahai orang yang memandikan, janganlah engkau menuangkan airmu dalam keadaan panas.Begitu juga jangan menuangnya dengan air yang dingin kerana tubuhku terbakar apabila terlepasnya roh dari tubuh". Apabila dimandikan, roh sekali lagi merayu :"Demi Allah, wahai orang yang memandikan jangan engkau menggosok aku dengan kuat sebab tubuhku luka-luka dengan keluarnya roh".

Setelah dimandi dan dikafankan, telapak kaki mayat diikat dan ia pun memanggil-manggil dan berpesan lagi supaya jangan diikat terlalu kuat serta mengafani kepalanya kerana ingin melihat wajahnya sendiri, anak-anak, isteri atau suami buat kali terakhir kerana tidak dapat melihat lagi sampai Hari Kiamat. Sebaik keluar dari rumah lalu ia berpesan :
"Demi Allah, wahai jemaahku, aku telah meninggalkan isteriku menjadi janda. Maka janganlah kamu menyakitinya.Anak-anakku telah menjadi yatim dan janganlah kalian menyakiti mereka. Sesungguhnya pada hari itu aku telah keluar dari rumahku dan aku tidak akan dapat kembali kepada mereka buat selama-lamanya".

Sesudah mayat diletakkan pada pengusung, sekali lagi diserunya kepada jemaah supaya jangan mempercepatkan mayatnya ke kubur selagi belum mendengar suara anak-anak dan sanak saudara buat kali terakhir. Sesudah dibawa dan melangkah sebanyak tiga langkah dari rumah, roh pula berpesan: "Wahai Kekasihku, wahai saudaraku dan wahai anak-anakku, jangan kamu diperdaya dunia sebagaimana ia memperdayakan aku dan janganlah kamu lalai ketika ini sebagaimana ia melalaikan aku". "Sesungguhnya aku tinggalkan apa yang aku telah aku kumpulkan untuk warisku dan sedikitpun mereka tidak mahu menanggung kesalahanku". "Adapun didunia, Allah menghisab aku, padahal kamu berasa senang dengan keduniaan. Dan mereka juga tidak mahu mendoakan aku".

Ada satu riwayat drp Abi Qalabah mengenai mimpi beliau yang melihat kubur pecah. Lalu mayat-mayat itu keluar dari duduk di tepi kubur masing-masing. Bagaimanapun tidak seorang pun ada tanda-tanda memperolehi nur di muka mereka. Dalam mimpi itu, Abi Qalabah dapat melihat jirannya juga dalam keadaan yang sama. Lalu dia bertanya kepada mayat jirannya mengenai ketiadaan nur itu. Maka mayat itu menjawab:
"Sesungguhnya bagi mereka yang memperolehi nur adalah kerana petunjuk drpd anak-anak dan teman-teman. Sebaliknya aku mempunyai anak-anak yang tidak soleh dan tidak pernah mendoakan aku". Setelah mendengar jawapan mayat itu, Abi Qalabah pun terjaga. Pada malam itu juga dia memanggil anak jirannya dan menceritakan apa yang dilihatnya dalam mimpi mengenai bapa mereka. Mendengar keadaan itu, anak-anak jiran itu berjanji di hadapan Abi Qalabah akan mendoa dan bersedekah untuk bapanya. Seterusnya tidak lama selepas itu, Abi Qalabah sekali lagi bermimpi melihat jirannya. Bagaimanapun kali ini jirannya sudahada nur dimukanya dan kelihatan lebih terang daripada matahari.

Baginda Rasullullah S.A.W berkata:
Apabila telah sampai ajal seseorang itu maka akan masuklah satu kumpulan malaikat ke dalam lubang-lubang kecil dalam badan dan kemudian mereka menarik rohnya melalui kedua-dua telapak kakinya sehingga sampai kelutut. Setelah itu datang pula sekumpulan malaikat yang lain masuk menarik roh dari lutut hingga sampai ke perut dan kemudiannya mereka keluar. Datang lagi satu kumpulan malaikat yang lain masuk dan menarik rohnya dari perut hingga sampai ke dada dan kemudiannya mereka keluar.Dan akhir sekali datanglagi satu kumpulan malaikat masuk dan menarik roh dari dadanya hingga sampai ke kerongkong dan itulah yang dikatakan saat nazak orang itu."

Sambung Rasullullah S.A.W. lagi: "Kalau orang yang nazak itu orang yang beriman, maka malaikat Jibrail A.S. Akan menebarkan sayapnya yang di sebelah kanan sehingga orang yang nazak itu dapat melihat kedudukannya di syurga. Apabila orang yang beriman itu melihat syurga, maka dia akan lupa kepada orang yang berada di sekelilinginya. Ini adalah kerana sangat rindunya pada syurga dan melihat terus pandangannya kepada sayap Jibrail A.S." Kalau orang yang nazak itu orang munafik, maka Jibrail A.S. akan menebarkan sayap di sebelahkiri. Maka orang yang nazak tu dapat melihat kedudukannya di neraka dan dalam masa itu orang itu tidak lagi melihat orang di sekelilinginya. Ini adalah kerana terlalu takutnya apabila melihat neraka yang akan menjadi tempat tinggalnya. Dari sebuah hadis bahawa apabila Allah S.W.T. menghendaki seorang mukmin itu dicabut nyawanya maka datanglah malaikat maut. Apabila malaikat maut hendak mencabut roh orang mukmin itu dari arah mulut maka keluarlah zikir dari mulut orang mukmin itu dengan berkata:
"Tidak ada jalan bagimu mencabut roh orang ini melalui jalan ini kerana orang ini sentiasa menjadikan

lidahnya berzikir kepada Allah S.W.T." Setelah malaikat maut mendengar penjelasan itu, maka dia pun kembali kepada AllahS.W.T.dan menjelaskan apa yang diucapkan oleh lidah orang mukmin itu. Lalu Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:
"Wahai malaikat maut, kamu cabutlah ruhnya dari arah lain." Sebaik saja malaikat maut mendapat perintah Allah S.W.T. maka malaikat maut pun cuba mencabut roh orang mukmin dari arah tangan. Tapi keluarlah sedekah dari arah tangan orang mukmin itu, keluarlah usapan kepala anak-anak yatim dan keluar penulisan ilmu. Maka berkata tangan: Tidak ada jalan bagimu untuk mencabut roh orang mukmin dari arah ini, tangan ini telah mengeluarkan sedekah, tangan ini mengusap kepala anak-anak yatim dan tangan ini menulis ilmu pengetahuan." Oleh kerana malaikat maut gagal untuk mencabut roh orang mukmin dari arah tangan maka malaikat maut cuba pula dari arah kaki.
Malangnya malaikat maut juga gagal melakukan sebab kaki berkata: Tidak ada jalan bagimu dari arah ini kerana kaki ini sentiasa berjalan berulang alik mengerjakan solat dengan berjemaah dan kaki ini juga berjalan menghadiri majlis-majlis ilmu." Apabila gagal malaikat maut,mencabut roh orang mukmin dari arah kaki, maka malaikat maut cuba pula dari arah telinga.

Sebaik saja malaikat maut menghampiri telinga maka telinga pun berkata:
Tidak ada jalan bagimu dari arah ini kerana telinga ini sentiasa mendengar bacaan Al-Quran dan zikir." Akhir sekali malaikat maut cuba mencabut orang mukmin dari arah mata tetapi baru saja hendak menghampiri mata maka berkata mata: "Tidak ada jalan bagimu dari arah ini sebab mata ini sentiasa melihat beberapa mushaf dan kitab-kitab dan mata ini sentiasa menangis kerana takutkan Allah." Setelah gagal maka malaikat maut kembali kepada Allah S.W.T. Kemudian AllahS.W.T. berfirman yang bermaksud:"Wahai malaikatKu,tulis AsmaKu ditelapak tanganmu dan tunjukkan kepada roh orang yang beriman itu." Sebaik saja mendapat perintah AllahS.W.T. maka malaikat maut menghampiri roh orang itu dan menunjukkan AsmaAllah S.W.T.

Sebaik saja melihat Asma Allah dan cintanya kepada AllahS.W.T maka keluarlah roh tersebut dari arah mulut dengan tenang. Abu Bakar R.A.telah ditanya tentang kemana roh pergi setelah ia keluar dari jasad. Maka berkata Abu Bakar R.A:"Roh itu menuju ketujuh tempat:-

1. Roh para Nabi dan utusan menuju ke Syurga Adnin.
2. Roh para ulama menuju ke Syurga Firdaus.
3. Roh mereka yang berbahagia menuju ke Syurga Illiyyina.
4. Roh para syuhada berterbangan seperti burung di syurga mengikut kehendak mereka.
5. Roh para mukmin yang berdosa akan tergantung di udara tidak di bumi dan tidak di langit sampai hari kiamat.
6. Roh anak-anak orang yang beriman akan berada di gunung dari minyak misik.
7. Roh orang-orang kafir akan berada dalam neraka Sijjin, mereka diseksa berserta jasadnya hingga sampai hari Kiamat."

Telah bersabda Rasullullah S.A.W: Tiga kelompok manusia yang akan dijabat tangannya oleh para malaikat pada hari mereka keluar dari kuburnya:

1. Orang-orang yang mati syahid.
2. Orang-orang yang mengerjakan solat malam dalam bulan Ramadhan.
3. Orang berpuasa di hari Arafah.

MATANYA BUTA KERANA TANGISAN MAKRIFAT ALLAH

Disebabkan rasa takutnya kepada Allah membuatnya dapat menangis setiap kali ia membaca Al-Quran dan setiap kali solat. Oleh sebab itu, bumi tempat sujudnya basah oleh air mata. Ia juga menangis saat ia sedang menyendiri berfikir tentang hari kiamat, kesengsaraan di padang Mahsyar, menunggu hisab dan lain sebagainya. Ia adalah seorang miskin yang hanya memiliki pakaian yang dipakainya saja dan sebuah tempat tidur usang.

Ia berpendapat bahawa dunia dan semua isinya telah datang kepadanya. Kerana kesihatannya banyak menolongnya untuk beribadah kepada Allah, dan banyak membantunya untuk berjaga malam dalam melaksanakan solat dan berzikir kepada Allah. Muhammad Ibn Al-Munkadir masih membujang meskipun ia telah mencapai usia dewasa. Perkara itu dikeranakan ia tidak memiliki harta untuk membayar mahar pernikahan dan ia juga tidak mempunyai perabot rumah tangga.

Muhammad IbnAl-Munkadir mempunyai hubungan darah dengan Abu Bakar Shiddiq. Hubungan darah

keduanya bertemu pada datuk yang bernama Sa° Øad Ibn Tamim. Pada suatu hari, hubungan kekeluargaan ini mendorongnya datang ke rumah Aisyah binti Abu Bakar untuk mengadukan keperluannya pada Aisyah dengan harapan barangkali Aisyah dapat membantunya menutup pedihnya kelaparan dan pahitnya kemiskinan.

Setelah ia mengutarakan penderitaannya kepada Aisyah, Aisyah berkata: °∞Andaikata aku mempunyai wang 10,000 dirham nescaya akan kuberikan kepadamu. Pada hari itu juga, tiba-tiba Muawiyah Ibn Abu Sufyan mengirim wang 10,000 dinar kepada Aisyah. Hingga Aisyah berkata pada dirinya sendiri: Alangkah cepatnya apa yang kamu angan-angankan wahai Aisyah.°±

Akhirnya Aisyah segera mengutus seseorang untuk mencari Muhammad Ibn Al-Munkadir, kemudian ia memberikan wang 10.000 dirham dimaksud. Wang itu dipergunakan Muhammad Ibn Al-Munkadir untuk membeli seorang hamba wanita untuk dijadikan isterinya. Maka dia kemudian mengakhiri masa bujangnya dan menempuh hidup baru sehingga Allah memberi kurnia kepadanya 3 anak. Ketiganya bernama: Muhammad, Abu Bakar dan Umar. Ia memberi nama mereka seperti nama Rasulullah dan dua sahabat baginda.

Pada suatu hari, salah seorang tetangga Muhammad Ibn Al-Munkadir menderita sakit keras. Setiap malam si sakit itu tidak boleh tidur dan menjerit-jerit kerana kesakitan. Sementara itu Muhammad juga mengeraskan suaranya dalam memanjatkan syukur kepada Allah. Ketika ia ditanya mengenai hal itu, ia menjawab: °∞Tetanggaku yang sakit itu mengeraskan suaranya kerana sakit, sedangkan aku mengeraskan suara kerana mendapat nikmat.°±

Pada suatu malam, Muhammad solat dan menangis sangat lama sehingga keluarganya merasa cemas. Mereka bertanya kepadanya mengapa ia menangis? Tetapi ia tidak menjawab pertanyaan itu bahkan terus menangis sehingga mereka menyangka ia sedang mendapat suatu musibah. Maka mereka memanggil seorang sahabatnya yang bernama Abu Hazim. Mereka memberitahukan pada Abu Hazim tentang masalahnya.

Maka Abu Hazim datang kepadanya dan bertanya, Apa yang menyebabkan ia menangis, sebab keluarganya mencemaskan dirinya. Ia menjawab bahawasanya ia merasa takut setelah membaca Al-Quran yang ertinya: °∞Dan jelaslah bagi mereka azab dari Allah yang belum pernah mereka perkirakan.°± Mendengar hal itu Abu Hazim ikut menangis bersamanya sehingga keluarganya menegur Abu Hazim mengapa ia menangis padahal ia dipanggil mereka untuk menenteramkan hatinya. Maka Abu Hazim memberitahu mereka tentang sesuatu yang menyebabkan mereka menangis.

Muhammad Ibn Al-Munkadir berkata: °∞Sesungguhnya Allah selalu menjaga orang mukmin dalam anaknya, cucunya dalam rumahnya, dan rumah yang ada di sekitarnya. Mereka sentiasa dalam lindungan Allah selagi mereka masih di tengah mereka.°± Muhammad tidak pernah melihat jenazah orang mukmin melainkan ia ikut menyembahyangkannya, meskipun orang yang meninggal itu orang jahat.

Pada suatu hari ia ditanya, °∞Mengapa kamu mahu solat atas jenazah si fulan?°± Jawabnya, °∞Kerana aku malu kepada Allah jika aku melihat diriku, bahawa rahmat-Nya tidak sampai pada salah seorang dari hamba-Nya.°±
Di rumah yang selalu dinaungi ketakwaan, dihiasi sikap wara°Ø dan disinari cahaya Al-Quran, di situlah anak-anak Muhammad Al-Munkadir berkembang. Oleh kerana itu mereka pun seperti bapanya, baik dalam segi keimanan, tingkah laku mahupun ketakwaan mereka kepada Allah, hingga rumah mereka berubah menjadi tempat ibadah.

Di dalam rumah itu mereka membaca Al-Quran dan mempelajari ilmu pengetahuan. Umar Ibn Muhammad Al-Munkadir tidak pernah tidur pada malam hari dan ia banyak menangis kerana takut kepada Allah. Ketika ibunya merasa cemas padanya, maka ibunya meminta bantuan saudaranya Muhammad Ibn Muhammad Al-Munkadir, ia berkata: °∞Sungguh aku sangat kasihan kepada saudaramu Muhammad kerana apa yang dilakukannya, jika kamu yang menasihatinya dalam hal ini, barangkali ia akan kasihan pada dirinya sendiri.°±

Maka Muhammad berbicara empat mata dengan Umar, saudaranya, ia berkata pada Umar. °∞Sungguh apa yang kamu lakukan itu membuatku sedih kerana memikirkan keadaanmu.°± Jawab Umar. °∞Sungguh, bila malam tiba aku merasa takut, kerana itu aku membaca Al-Quran, dalam membaca Al-Quran aku mendapat kenikmatan yang tidak dapat dibandingkan dengan dunia seisinya. Adapun yang menyebabkan aku menangis, kerana aku takut Allah tidak menerima amalku. Demikian itu, kerana aku telah mendengar sebuah hadith Rasulullah SAW yang dimaksudnya begini. °∞Sungguh ada seseorang yang selalu

mengerjakan amalan ahli syurga sehingga jarak antara ia dan syurga tinggal satu dzira°Ø (lengan), kerana takdir telah mencatat ia sebagai ahli neraka, maka tiba-tiba ia melakukan amalan ahli neraka hingga ia masuk neraka.°±

Setelah itu, Umar diam sejenak, kemudian ia berkata lagi: °∞Wahai Muhammad, tidakkah kamu tahu, bahawa ayah kita juga sering menangis kerana takut kepada Allah hingga kedua matanya buta? Sungguh aku akan menghabiskan hidupku hanya untuk beribadah kepada Allah dan mengabdi kepada-Nya. Wahai saudaraku, orang-orang yang dahulu beriman berkata: °∞Di antara tanda-tanda diterimanya suatu amalan ialah, bila air matamu keluar sedangkan kamu tidak merasa. Dan tiada yang merasa aman dari azab Allah kecuali orang-orang yang merugi.°±

Demikian itulah kehidupan Muhammad Ibnu Al-Munkadir dan anak-anaknya. Suatu keluarga mukmin yang selalu mengingat Allah setiap saat. Masing-masing selalu menghisab dirinya dalam setiap tingkah lakunya. Semoga keluarga Muhammad termasuk keluarga yang bahagia pada hari kiamat dan termasuk keluarga yang dinaungi Allah pada hari di mana tiada naungan kecuali naungan-Nya.

Menjelang hari wafatnya, wajah Muhammad Ibnu Al-Munkadir tampak gelisah. Ketika ia ditanya, °∞Mengapa kamu kelihatan gelisah?°± Jawabnya: °∞Aku takut pada ayat Al-Quran yang berbunyi: °∞Dan jelaslah azab dari Allah yang belum pernah mereka perkirakan. Aku takut aku akan melihat siksa Allah yang tidak pernah aku perkirakan sebelumnya.°±

Salah seorang yang duduk di sampingnya di saat ia hampir meninggal dunia berkata padanya: °∞Wahai Muhammad, aku melihat sepertinya ajalmu telah dekat.°± Tetapi Muhammad masih kelihatan tenang hingga tiba-tiba sahabatnya melihat wajah Muhammad bersinar seperti bulan. Maka Muhammad Ibnu Al-Munkadir berkata pada sahabatnya: °∞Andaikan kamu melihat tempatku nanti, nescaya kamu akan senang.°± Kemudian ia menghembuskan nafasnya yang terakhir. Peristiwa itu terjadi di tahun 131 H.

DUHAI IBU............

Ketika berusia setahun , ibu suapkan makanan dan mandikan kita.
Cara kita ucapakn terima kasih kepadanya hanyalah dengan menangis sepanjang malam. Apabila berusia 2 tahun, ibu mengajar kita bermain..kita ucapkan terima kasih dengan lari sambil ketawa terkekeh-kekeh apabila dipanggil.

Ketika berusia setahun , ibu suapkan makanan dan mandikan kita. Cara kita ucapakn terima kasih kepadanya hanyalah dengan menangis sepanjang malam. Apabila berusia 2 tahun, ibu mengajar kita bermain..kita ucapkan terima kasih dengan lari sambil ketawa terkekeh-kekeh apabila dipanggil.

Menjelang usia kita 3 tahun, ibu menyediakan makanan dengan penuhrasa kasih sayang..kita ucapkan terima kasih dengan menumpahkan makanan ke lantai.
Ketika usia 4 tahun , ibu membelikan sekotak pensil warna, kita ucapterima kasih dengan menconteng dinding.

Berusia 5 tahun, ibu membelikan sepasang pakaian baru, kita ucapkanterima kasih dengan bergolek-golek dalam lopak kotor.

Setelah berusia 6 tahun , ibu memimpin tangan kita ke sekolah, kita ucapkan terima kasih dengan menjerit : Tak nak ! Taknak !

Apabila berusia 7 tahun, ibu belikan sebiji bola cara mengucapkan terima kasih ialah kita pecahkan tingkap jiran.

Menjelang usia 8 tahun , ibu belikan ais krim , kita ucapkan terima kasih dengan mengotorkan pakaian ibu.

Ketika usia 9 tahun, ibu menghantar ke sekolah..kita ucapkan terima kasih kepadanya dengan ponteng kelas.

Berusia 10 tahun , ibu menghabiskan masa sehari suntuk menemankan kita kemana sahaja.. kita ucapkan terima kasih dengan tidak bertegur sapa dengannya.

Apabila berusia 12 tahun, ibu menyuruh membuat kerja sekolah..kita ucapkan terima kasih dengan menonton televisyen.

Menjelang usia 13 tahun, ibu suruh pakai pakaian yang menutup aurat..kita ucapkan terima kasih kepadanya dengan memberitahu bahawa pakaian itu tidak sesuai zaman sekarang.

Ketika berusia 14 tahun, ibu terpaksa mengikat perut untuk membayar wang persekolahan dan asrama , kita ucapkan terima kasih kepadanya dengan tidak menulis sepucuk suratpun.

Berusia 15 tahun, ibu pulang daripada kerja dan rindukan pelukan dan ciuman..kita ucapkan terima kasih dengan mengunci pintu bilik.

Menjelang usia 18 tahun , ibu menangis gembira apabila mendapat tahu kita diterima masuk ke IPTA, kita ucapkan terima kasih kepadanya dengan bersuka ria bersama kawan-kawan.

Ketika berusia 19 tahun , ibu bersusah payah membayar yuran pengajian , menghantar ke kampus dan mengheret beg besar ke asrama kita hanya ucapkan selamat jalan pada ibu di luar asrama kerana malu dengan kawan-kawan.

Berusia 20 tahun , ibu bertanya sama ada kita ada teman istimewa, kita kata "Itu bukan urusan ibu".

Setelah berusia 21 tahun , ibu cuba memberikan pandangan mengenai kerjaya kita kata " saya tidak mahu jadi seperti ibu ".

Ketika berusia 22-23 tahun, ibu membelikan perabot untuk rumah bujang kita. Di belakang ibu kita katakan pada kawan-kawan "perabot pilihan ibu aku tidak cantik, tidak berkenan aku!"

Menjelang usia 24 tahun, ibu bertemu dengan bakal menantunya dan bertanyakan mengenai perancangan masa depan, kita menjeling dan merungut "ibu , tooooolongglah"

Ketika berusia 25 tahun, ibu bersusah payah menangung perbelanjaan majlis perkahwinan kita. Ibu menangis dan memeberitahu betapa dia sangat sayangkan kita tetapi kita ucapkan terima kasih kepadanya dengan berpindah jauh.

Pada usia 30 tahun, ibu menelefon memberikan nasihat dan petua mengenai penjagaan bayi..kita dengan megah berkata, "itu dulu, sekarang zaman moden.."

Ketika berusia 40 tahun, ibu menelefon mengingatkan mengenai kenduri kendara di kampung.. kita berkata "kami sibuk, tak ada masa nak datang"

Apabila usia 50 tahun, ibu jatuh sakit dan meminta kita menjaganya, kita bercerita mengenai kesibukan dan kisah-kisah ibu bapa yang menjadi beban kepada anak-anak. Dan kemudian suatu hari, kita mendapat berita ibu meninggal ! Khabar itu bagaikan petir !! dalam lelehan air mata, barulah segala perbuatan kita terhadap ibu menerpa satu persatu?

Jika ibu masih ada, sayangi dia. Jika telah tiada, ingatilah kasih dan sayangnya. Sayangilah ibu kerana kita semua hanya ada seorang ibu kandung.Ya Allah...hindari aku dari menjadi anak derhaka, ampunkan aku Ya Allah, beri aku kekuatan kelapangan dan peluang untuk menjaga ayahbondaku, sesungguhnya Ya Allah aku amat menyayangi mereka, Ya Allah jangan kau ambik merekan tatkala ingin ku layarkn sekuntum kucupan didahi mereka....jangan kau ambil mereka tatkala ikatan pelukan ku semakin erat..aku menyintai mereka Ya Allah..kekalkanlah setiap denyutan nadiku dalam keredahaan mereka Ya Allah....kerana ku tahu keredhaan mereka adalah keredhaan Mu.....

Ya Allah jangan kau ambil mereka ya Allah..aku masih memerlukan mereka ,Ya Allah, aku masih mengemis kasih dan doa mereka, Ya Allah kau layarkan lah segenap barakah mu dilangit dan dibumi untuk ibu dan ayah tercinta Ya Allah aksihani mereka Ya Allah, sesugguhnya tempatkan mereka bersama para solihin di Jannatul Firdaus Ya Allah...

KISAH MANUSIA, SYAITAN DAN MALAIKAT

Manusia , Malaikat , Syaitan ...

Manusia - Eh, dah subuh dah?
Malaikat - bangunlah wahai anak Adam,
tunaikan solat subuh mu ...
Syaitan - Alahhhhhh, kejaplah, ngantuk
ini...awal lagi nie?.zzzzzzzz

Manusia - Nak makan, laparlah ??
Malaikat - Wahai Anak Adam, mulakanlah
dengan Bismillah...
Syaitan - Ahh, tak payahla... dah lapar
ini !! mmm..sedapnyaaaa? .

Manusia - Hari ni nak pakai apa ye?
Malaikat - Wahai anak Adam, pakailah
pakaian yang menutup aurat..
Syaitan - Ehh, panaslah, takde style
langsung, nampak kampung!!!

Manusia - Alamak, dah lewat!
Malaikat - Bersegeralah wahai manusia ,
nanti terlewat ke pejabat..
Syaitan - Ahhh?awal lagi?mmm..aaahh?
suruh si X, punchkanlah?

Manusia - Azan sudah kedengaran.. .
Malaikat - Wahai anak Adam, bersegeralah
menunaikan kewajipan
Syaitan - Baru pukul berapa.. rilex
lah..awal lagi nieii?.

Manusia - Eh, eh... tak boleh tengok
ini, berdosa...
Malaikat - Wahai anak Adam, alihkanlah
pandanganmu, sesungguhnya Allah Maha
Melihat dan mengetahui !
Syaitan - Pergghh... best tu... . rugi
ooo kalau tak tengok nie..

Manusia - Saudaraku sedang melakukan dosa
Malaikat - Wahai anak Adam, cegahla ia..
Syaitan - Apa kau sibuk? Jangan jaga
tepi kain orang, lantaklahh? .

Manusia - Elok kalau aku sampaikan
nasihat ini kepada orang lain
Malaikat - Wahai anak Adam,
nasihat-menasihatil ah sesama kamu..
Syaitan - Sendiri pikirlah, semua dah
besar, buat apa susah2... pandai2lah?

Manusia - aku telah berdosa..

Malaikat - Wahai anak Adam, bertaubatlah
kamu,sesungguhnya Allah Maha Pengampun. .
Syaitan - Tangguhlah dulu, lain kali
boleh bertaubat... lagipun muda hanya
sekali....rugila. .. (kalau sempatla)

Manusia - Kalau pergi, mesti seronok!
Malaikat - Wahai anak Adam, kakimu ingin
melangkah ke jalan yang dimurkai
Allah,berpalinglah dari jalan itu ..
Syaitan - Jangan bimbang, tiada sesiapa
yang tahu...Jomlahhh?

Manusia ? Uuhhh?letihnya arini..tak
solat lagi nieee?.
Malaikat - Wahai anak Adam, taatilah
Allah dan RasulNYA, kebahagiaan di dunia
dan akhirat untukmu. Solat itu wajib
bagimu...
Syaitan - Hey anak Adam, ikutilah
aku,kebahagiaan di dunia (sahaja) dan
kebahagiaan diakhirat (jangan mimpilah!)
untukmu...

Sekarang anda mempunyai 3 pilihan :
1. Anda - Patutke aku biarkan artikel
ini tetap dalam mailbox aku.
2. Malaikat - Ingatkan pada kawan yang
anda kenal
3. Syaitan - Tak payahlah sebuk2

KISAH FISABILILLAH

Hadith 40:

Dari Abu Kabshah al-Ammariyi r.a., dari Nabi s.a.w., sabdanya : "3 perkara, aku bersumpah menegaskan kebenarannya, iaitu: Tiadalah berkurang harta seseorang dengan sebab dikeluarkan sedeqahnya; dan tiadalah seseorang itu dizolimi dengan sesuatu kezoliman yang ia bersabar menanggungnya melainkan ALLAH menambahkan dia dengan kemuliaan; dan tiadalah seseorang memulakan sesuatu cara meminta sedeqah melainkan ALLAH membukakan kepadanya pintu kepapaan; dan aku menerangkan kepada kamu satu hadith pengajaran maka hafazlah akan dia (untuk dijadikan iktibar)"; (kemudian baginda menerangkan) sabdanya: "Sebenarnya (habuan) dunia (mengenai ilmu agama dan harta) hanyalah terbahagi kepada 4 (keadaan) manusia:
1) orang yang telah dikurniakan ALLAH dengan harta dan juga dengan ilmu agama, maka ia menggunakan ilmunya dengan berlaku taat kepada ALLAH dan menjauhi larangannya, dan menggunakan hartanya pada menghubungkan silaturrahim kaum kerabatnya, serta ia mengetahui haq ALLAH pada nikmat-nikmat yang dikurniakan itu; maka orang yang demikian bersifat dengan semulia-mulia keadaan (di sisi ALLAH).
2) orang yang telah dikurniakan ALLAH dengan ilmu agama sahaja dan tidak dikurniakanNya dengan harta serta ia berkata dengan niatnya yang benar: "Kalaulah aku ada harta, sudah tentu aku akan

lakukan apa yang dilakukan oleh si anu (yang dermawan) itu", maka ia beroleh balasan dengan sebab niatnya; (dengan yang demikian) maka balasan baik kedua-dua orang itu adalah sama.
3) orang yang telah dikurniakan ALLAH harta dan tidak dikurniakanNya ilmu pengetahuan agama, maka ia menyalah-gunakan hartanya dengan tidak berdasarkan ilmu, - ia tidak memelihara dirinya dengan harta itu dari azab Tuhan, dan ia juga tidak menggunakan hartanya itu untuk silaturrahim, dan tidak pula mengetahui akan haq ALLAH pada hartanya itu; maka orang yang demikian, bersifat dengan seburuk-buruk keadaan.
4) orang yang tidak dikurniakan ALLAH dengan harta dan tidak juga dengan ilmu agama, lalu ia berkata: "Kalaulah aku ada harta, sudah tentu aku akan lakukan apa yang dilakukan oleh si anu itu", maka ia beroleh balasan dengan sebab niatnya; (dengan yang demikian) maka balasan buruk kedua-dua orang itu adalah sama." (HR Tirmizi dan lain-lainnya)
Muslimin muslimat rahimakumullah. Hadith yang ke40 yang panjang ini, masih lagi berkisar tentang makna sebenarnya kepada masalah niat dan keikhlasan. Dimana di awal-awal hadith, Nabi s.a.w. telah bersumpah di atas 3 perkara yang amat besar. Kalau kita mengaji ilmu hadith, apabila Nabi s.a.w. bersumpah di dalam suatu hadithnya, maka ketahuilah ia adalah suatu perkara yang amat besar di sisi ALLAH SWT.
Perkara yang pertama yang Nabi s.a.w. bersumpah ialah katanya, **"Tidak akan berkurang harta orang-orang yang mengeluarkan sedeqah."**...Inilah jaminan Nabi s.a.w.. Dan inilah yang Nabi s.a.w. lakukan bila setiap kali baginda mahu pergi berperang. Baginda akan isytiharkan derma supaya para sahabat mengeluarkan harta mereka untuk infaq fisabilillah. Dan Nabi s.a.w. telah memberi suatu jaminan yang tidak mampu diberi oleh mana-mana manusia, iaitulah jaminannya bahwa tidak akan berkurang harta orang-orang yang bersedeqah. Sebab itu, kalau kita tengok dalam hadith-hadith yang lain, antara lainnya Nabi s.a.w. pernah bersabda, **"Murahkanlah rezeki kamu dengan memperbanyakkan sedeqah."**...Inilah dia antara tips yang Nabi s.a.w. bagi untuk murahkan rezeki. Cuba kita tengok satu lagi ha! dith baginda yang mengajar kita supaya membenteng diri daripada api neraka dengan cara bersedeqah. Mafhumnya, **"Selamatkan diri kamu daripada api neraka walaupun dengan bersedeqah hanya dengan sebiji buah tamar."**...Nampak tuan-tuan macamana Rasulullah s.a.w. ajar kita supaya menjaga diri daripada dibakar oleh ALLAH di dalam api neraka, dengan hanya bersedeqah sahaja.
Ini pula ada satu kisah berkenaan dengan sedeqah. Pada satu hari, seorang sahabat yang bernama Bashir ingin masuk Islam. Lalu dia pun bertemu dengan Nabi s.a.w. dan bertanya, **"Ya Muhammad. Saya mahu masuk Islam. Dan apakah yang mesti saya lakukan?"**...Rasulullah s.a.w. terus menjawab, **"Kamu hendaklah melakukan 7 perkara."**...Bashir tanya, **"Apa dia ya Rasulullah?"**...Dijawab oleh Nabi s.a.w., **"Yang pertamanya ialah mengucap 2 kalimah syahadah. Yang kedua adalah sembahyang. Yang ketiga, puasa di bulan Ramadan. Yang keempat, hendaklah kamu mengeluarkan zakat bila cukup sampai haul nisabnya. Yang kelima pula ialah tunaikanlah f! ardu haji. Yang keenam ialah berjihad fisabilillah. Dan yang ketujuh ialah infaq harta mu bersedeqah di jalan ALLAH."**...Apabila Bashir mendengar 7 syarat yang diletakkan oleh Nabi s.a.w., lalu Bashir menjawab, **"Wahai Muhammad. Yang 5 mula-mula tu aku boleh buat. Sembahyang, mengucap, puasa, zakat dan haji ni beres no problem. Tapi hat 2 yang terakhir tu, bagi aku, aku rasa berat sikit."**...Nabi s.a.w. tanya, **"Pasai kamu rasa berat?"**...Bashir menjawab, **"Wahai Muhammad, bila kamu suruh aku berjihad fisabilillah, aku nak beritahu kamu sebenarnya bahwa aku ni penakut...."**...Macam setengah kawan-kawan kita. Pantang aje nampak to! pi merah, kira nak cabut aje kerjanye. Sebenarnya bukan depa tembak teruih. Depa nanti hantaq wakil mai bincang dulu. Depa pun reti undang-undang aih!...Hat loceng tu, depa nanti bunyikan sebanyak 3x. Kalau bunyi kali pertama, maknanya kita kena standby, pakai kasut. Bila bunyi kali kedua, mata mau ushar mana jalan. Kemudian akhirnya bila bunyi kali ketiga, tinggai kertas suratkhabar la jawabnya.

(Ceramah daklah tak boleh la ni. Kalau buat juga, alamat makan gas la kita. Sebab sekarang ni puak umno begitu desperate sekali sehingga kita buat dalam markaz pun, dibaginya kita makan gas jugak. Takpa, itu perancangan depa. Perancangan ALLAH, siapa tahu?...Bila ceramah takdak, jangan lagu dok serot jadi macam kura-kura pulak. Bila ceramah takdak, hangpa pi la kuliyyah pula. Imarahkanlah majlis-majlis ilmu. Inilah masanya untuk kita menguatkan lagi ilmu dalaman.)

Balik kepada kisah Bashir tadi. Maknanya, dia mengaku dia takut. Kemudian katanya lagi, **"...Dan yang keduanya wahai Muhammad, sedeqah-sedeqah ni pun bukannya aku tak mau; tapi kelapan-lapan anak aku semua pi univ belaka. Masing-masing yuran dah dekat dua tiga ribu, maklumlah biasiswa dah takdak. Jadi, nak bersedeqah ni, aku tak berapa nak bolehlah."**...Tuan-tuan tau apa Nabi s.a.w. jawab?...Nabi kata, **"Wahai Bashir, kalaulah berjihad di jalan ALLAH dan infaq harta fisabilillah kamu tak ndak buat; aku ingin bertanya kepada kamu wahai Bashir : Dengan cara apakah lagi kamu nak masuk syurga ALLAH SWT?"**...Terdiam Bashir. Awat taknye?...Nabi s.a.w. kata bahwa sekiranya kamu berjihad pun tak ndak dengan tak mau tolak buang perasaan takut tu, kamu tak berapa nak pergi berjihad ker! ana dok layan sangat perasaan takut tu, kamu tak boleh nak hadapi sedikit rintangan ujian bila diminta bersedeqah; jadi dengan amalan apakah lagi wahai Bashir untuk kamu nak ketuk pintu syurga ALLAH SWT?...Nampak tak tuan-tuan; begitu besarnya amalan jihad dan bersedeqah ini sehinggakan Nabi s.a.w. meletakkan syarat, kalau sembahyang tanpa bersedeqah, tak boleh pi syurga. Begitulah juga kalau buat haji tiap-tiap tahun sampai Hajar Aswad pun kenai muka kita sebab punya seniornya, tapi kalau tak berjihad membela ugama, maka tak boleh juga pi syurga...Bila Bashir dengar Nabi s.a.w. kata begitu, Bashir pun berkata, **"Ya Muhammad. Kalau begitulah Islam, maka aku berjanji akan buat kesemua ketujuh-tujuh perkara itu."**...Lalu dia pun mengucap 2 kalimah syahadah. Inilah dia nak ceritanya betapa besarnya amalan sedeqah ni. Sehingga menjadi jalan untuk kita masuk ke syurga ALLAH SWT. Seb! ab tu sat gi, bila hangpa jumpa mana-mana fakir miskin atau orang minta sedeqah buat surau/masjid ka; selok poket, bagi buang seberapa yang mampu.

Kemudian yang keduanya Nabi s.a.w. bersumpah dengan katanya, **"Tiadalah seseorang yang kena zolim itu ia bersabar dengan ujian tersebut melainkan ALLAH akan menaikkan darjat kemuliaannya."**...Sebab itu kita nak bagitau bahwa cerita buat zolim buat aniaya kat orang ni adalah satu cerita yang amat besar di sisi ALLAH. Oleh sebab cerita pasai zolim ni banyak perbahasannya, maka ust Halim Nasir pun bawa 2 hadith berkenaannya. Kedua-dua hadith ini adalah daripada Abu Hurairah r.a.. Yang pertamanya, Nabi s.a.w. bersabda, **"Sesiapa yang merasa berbuat zolim terhadap saudaranya, samada merupakan kehormatan atau harta; maka hendaklah dia meminta dihalalkan sekarang juga."**...Nampak tak tuan-tuan; siapa yang tuduh kawannya berzina atau liwat dengan tanpa mengemukakan saksi sehingga kaw! annya dianiaya kehormatannya, maka ini kes berat. Lepas tu dengan tak cukup dia mengaibkan kawannya, dia rampas pula haq orang, curi minyak orang, buat sesuka hatinya dengan harta benda orang yang diamanahkan kepadanya; maka kata Nabi s.a.w. untuk dia cover supaya tidak diseksa ALLAH di akhirat kelak, maka mestilah dia minta dihalalkan segala perbuatannya itu on the sport la tu juga. Contohnya macam Rahim Nor; dia mesti kena jumpa DSAI untuk minta halal sebab dialah yang melebamkan mata DSAI. Inilah yang Rasulullah s.a.w. ajar. Bila saja kita buat zolim pada orang, samada kehormatan maupun harta, hendaklah kita minta halal dan minta maaf di atas segala kezoliman yang telah kita lakukan itu sekarang juga. Pasai apa Nabi s.a.w. suruh buat lagu tu?...Sebab pernah Nabi s.a.w. sebut dalam hadithnya, **"Sebelum dituntut pada hari yang tidak ada dinar/dirham (hari qiamat), maka pada waktu itu jika ia mempunyai amal soleh maka diambil p! ahalanya menurut kadar kezolimannya."**... Maksudnya, kalaulah dia buat naya kat orang tapi dia tak pi jumpa orang tu untuk minta maaf balik ataupun tak pi sua muka suruh DSAI tibai balik, maka kata Rasulullah s.a.w., **"Tunggulah pada hari qiamat, kalau dia ada pahala amal soleh, maka ALLAH akan ambik dan bagi pada orang yang**

pernah dia buat zolim berdasarkan kadar kezoliman yang dia lakukan pada orang itu."...Tak pasal-pasal kawan tu boleh pahala, yang kita ni pula semakin kurang. Tak taulah berapa banyak pahala DSAI nak dapat?...Sebab dia dibelasah dengan matanya diikat dan tangannya digari, kemudian dibiarkannya menahan kesakitan tanpa sebarang rawatan selama 5-6 hari, bila polis bawa untuk lapor diri di mahkamah baru kita tahu matanya dah lebam, rupa-rupanya kawan nu yang hayun. Jadi, tak taulah berapa banyak ALLAH nak ambi! l pahala dari kawan nu dan bagi pada DSAI, kita pun tak tau. Itu pun kot-kot lah ada pahala. Macamana kalau apa yellow pun takdak?...Lalu kata Rasulullah s.a.w., **"Dan kalau dia tidak ada amal soleh, maka diambil kejahatan orang itu dan dipikulkan kepadanya."**...Bila dicheck-check tengok, apa pahala pun takdak; maka dicheck pula pada orang yang kena zolim itu, ada dosa tak dia?...Kalau ada, maka diambil dosanya itu dan dibagi kepada orang yang buat zolim tu. Sikit punya haru ka tu. Sebab itu, jangan dok suka-suka buat aniaya kat orang, atau terutamanya zolim terhadap ALLAH.

Sepertimana firman ALLAH dalam Surah as-Saff 28:7 yang bermaksud, **"Siapa lagi yang paling zolim, daripada mereka yang mengadakan dusta kepada ALLAH; sedangkan dia diseru kepada Islam,..."**...Inilah sebenarnya masalah yang paling besar yang sedang berlaku pada hari ini. Sekarang ni ALLAH sedang uji kita dengan berbagai-bagai jenis bala` yang ditimpakan ke atas kita apabila kita meninggalkan Islam. Tak habis-habis, satu-satu dia mai. Dengan masalah bohsia, bohjan, black metal tak habih lagi kita settle, mai pula yang jenih hip hop ni pulak. Ya, memang kita nak bagitau bahwa makbapak ada peranan dalam menangani masalah sosial ni, tapi kita nak bagitau juga bahwa bukanlah makbapak yang mengimpot masuk segala jenis gejala ni. Makbapak takdak kuasa nak import Micheal Jackson datang buat show di KL. Itu bukan kuasa makbapak. Makbapak juga takdak kuasa memberi permit kepada peniaga! -peniaga yang cetak t-shirt gambar yang jenih gila babi ni. Itu bukan haq kami sebagai makbapak. Kami makbapak hanya boleh kawal anak kami dalam sekitar kawasan rumah kami sahaja. Tapi di luar rumah, kamu sebagai pemerintahlah yang bertanggungjawab. Pemerintah mestilah mengadakan satu peraturan yang berdasar undang-undang, enakmen, akta dan sebagainya. Kalau ada peraturan sebegini, InsyaALLAH, gejala sosial anak-anak muda akan terkawal. Kalau setakat masing-masing bagi komen, ia tak akan selesai. Tapi apa yang nak kita bagitau ialah inilah bala` ALLAH bagi kat kita akibat daripada kita membelakangkan haq-haq ALLAH SWT. Cuba kita tengok dalam isu Black Metal dulu; semua yang terlibat adalah anak melayu belaka, mana ada anak cina?...Sehingga polis dan pejabat ugama pun merungut kata mereka sendiri pun takdak undang-undang untuk bertindak. Mereka hanya setakat boleh bagi kaunseling je. Tak boleh buat apa-apa, tuan-tuan. Sebab itu, kita minta pihak berkuasa mesti bertegas melakuka! n sesuatu. Inilah yang berlaku bila manusia melakukan kezoliman dengan menolak haq-haq ALLAH, benci pada ulama` dan benci pada Islam. Satu-satu Tuhan bagi bala`, tak selesai-selesai. Jangan tengok Black Metal saja bahaya; ada satu lagi jenih Metal yang lebih bahaya. Apa lagi kalau bukan jenih "old metal" (keris karat). Awat tak bahayanye?...Black metal pijak Quran dengan kaki, yang old metal ni pula pijak Quran dengan dihinanya Quran dan dimaki hamunnya ulama`. Walaupun berbeza keadaannya tapi fungsinya sama aje. Sama-sama metal dan sama-sama pijak Quran. Cumanya, yang nu black, yang ni old.

Okay, mai kita tengok satu lagi hadith daripada Abu Hurairah r.a. yang cerita bab zolim; suatu hari Nabi s.a.w. bertanya kepada para sahabat, **"Tahukah kamu siapakah orang yang muflis?"**...Jawab sahabat, **"Orang yang muflis itu wahai Rasulullah ialah orang yang habis hartanya dan perkakas rumahnya untuk membayar hutang dan belum juga selesai, sehingga ia tidak punya harta dan perkakas rumah lagi."**...Kata Nabi s.a.w., **"Bukan macam tu. Sebenarnya orang yang muflis ialah mereka yang datang pada hari qiamat dengan sembahyangnya yang cantik, dengan zakatnya yang cukup, dengan puasanya yang penuh; tetapi ia telah memaki ini, menuduh itu, memakan harta ini, menumpahkan darah itu, memukul ini. Maka dibayarkan untuk semua itu dari ha! sanat-hasanatnya. Kemudian bila telah habis segala pahalanya sebelum selesai membayar tanggungan hutangnya, maka diambilkan**

pula dosa-dosa orang yang diganggunya itu dan ditanggungkan kepadanya. Kemudian dilemparkan dia ke dalam neraka."...Nau zubillahi min zalik. Inilah dia tuan-tuan makna sebenar muflis. Nabi s.a.w. kata bahwa orang muflis ni ialah orang yang mari jumpa ALLAH pada hari qiamat kelak dengan sembahyangnya molek, puasanya cantik, zakatnya dibayar cukup haul; tetapi bila dia mari jumpa ALLAH, tiba-tiba marilah sipolan sambil berkata, "Wahai ALLAH! dulu dia nilah yang maki hamun aku dengan tanpa haq. Jadi hari ini aku nak minta balasan."...Maka ALLAH ambik pahala orang ni, bagi dekat kawan yang mai minta tadi. Lepas tu mari pula sorang lagi, "Wahai ALLAH! dulu dia nilah y! ang menjatuhkan maruah aku dengan dituduhnya aku berzina, dia kata aku meliwat sampai dia arah orang pikoi tilam sampai naik malu polis. Laa aku nak minta pahala daripada dia."...Agak-agak tuan-tuan, "orang tua" tu ada pahala ka nak bagi?...Pahala apa kalau lagu ni punya dok lawan Islam, tuan-tuan. Kata Nabi s.a.w. bahwa semua akan datang mai tuntut sehingga akhirnya bila habis semua hasanatnya, maka ALLAH akan ambik pula semua dosa pada orang yang tuntut itu dan hempok atas belakang dia. Kemudiannya dia dilempar ke dalam neraka...Nau zubillah. Mahukah begitu keadaan kita?...Penat-penat dapat pahala mai kuliyyah, penat-penat sembahyang, penat-penat pi jihad fisabilillah, penat-penat tampal poster, penat-penat kerabat pokok nak pacak bendera nun sayup punya tinggi 600 kaki punya pokok, jatuh tu kalu kira syahid teruih. Punyala mau pahala, sehingga sanggup kerabat pokok nak buboh bendera nuun kat puncak sekali tu, tiba-tiba ada orang mai minta pula pahala kita tu di Padang Mahsyar; tak takut ka tuan-tuan bila berlaku lagu ni?...Nie Nabi s.a.w. yang sebut, tuan-tuan. Ia pasti akan berlaku. Akan datang orang meminta pahala daripada kita. Inilah amaran Nabi s.a.w. kepada mereka-mereka yang buat zolim kepada orang lain. Sebab itu, tolong jangan buat zolim. Dan Nabi s.a.w. bersumpah bahwa orang yang dizolimi itu sekiranya dia bersabar, ALLAH akan naikkan darjatnya. Inilah yang berlaku pada MB T`ganu sekarang. Hasil bersabarnya dia ketika dizolimi, dianiayai dan dicuri duit minyaknya; sekarang ALLAH dah naikkan darjatnya ! menjadi Tuan Guru Datuk Seri Haji Abdul Hadi Awang. Pingat Seri Setia Sultan Mahmud (SSSM) yang diterimanya itu membawa kepada gelaran "Datuk Seri". Jangan main-main, Datuk Seri dah TG pun. Jadi kira sama taraf dengan Mahadey dah tu. Itu kira dah draw 1-1 sama tu. Inilah akibat kesabarannya berdikit-dikit sehingga beliau sanggup memberi beberapa bulan duit gajinya pada rakyat T`ganu; kalau tuan-tuan tak percaya, pi tanya sendiri kat dia. Berkorbannya untuk rakyat sehingga berpuluh ribu gajinya dalam beberapa bulan dia tak ambik seduit pun. Sebagai ganjarannya, ALLAH angkatkan darjatnya. Inilah janji daripada Nabi s.a.w..

Tapi bagi orang yang buat zolim pula, ALLAH rendahkan darjatnya. Sampai orang benci nak tengok muka pun orang meluat. Macam hari tu, bila Mahadey mai sembahyang Jumaat kat Masjid Seberang Jaya, habih orang pakat lari pi sembahyang kat tempat lain. Masjid Putrajaya tu, ada member cerita sampai kosong sunyi sepi takdak orang. Tiap-tiap hari keadaannya begitu. Hang cat pilah masjid bagi cantik tara mana pun, tukaqlah carpet bagi elok tara mana pun; tapi kalau orang dah meluat, nak tengok muka pun orang tak ndak, itu tandanya ALLAH jatuhkan martabat dia. Nanti kita akan belajar satu hadith dalam kitab Mastika Hadith ni juga, iaitu bagaimana ALLAH SWT campak perasaan benci ke dalam hati manusia sehingga meluat melihat muka orang yang melakukan kezoliman. Benda ni bukan boleh reka-reka atau boleh ajar-ajar orang atau hasut orang suruh benci; bukan lagu tu. Tapi sebenarnya, perasaan itu ALLAH lah yang campak ke dalam hati manusia. Kalau saya tak lupa, inilah perkara yang dipersoal! kan oleh seorang sahabat bila saya tulis tentang timbulnya perasaan meluat dalam hati ahli-ahli qariah masjid saya bila saja nama Mahadey disebut. Dia mempersoalkan kenyataan saya itu sebab dia tak faham. Takpa, kita akan bincang dengan lebih detail tentang perkara ni bila sampai pada hadith berkenaan. Tapi agak lambat la sikit, InsyaALLAH tahun 2007 baru sampai. Sebab sekarang baru muqaddimah, manakala hadith tersebut dalam jilid 1. Bawa bersabaq la sat.

Okay, yang ketiganya Nabi s.a.w. bersumpah, katanya, **"Bahwa siapa-siapa yang suka merempat meminta sedeqah, ALLAH akan membuka baginya pintu kepapaan."**...Sebab itu, Islam tak suka

umatnya menjadi peminta sedeqah. ALLAH dah bagi kat kita tulang 4 kerat untuk kita bekerja. Pernah Nabi s.a.w. marah pada seorang sahabat yang suka sangat minta sedeqah, sehingga Nabi s.a.w. keluarkan duitnya sendiri bagi kat sahabat tu suruh dia pi beli kapak dan tali, kemudian disuruhnya pi cari kayu dalam hutan untuk dijual. Nabi s.a.w. tak suka tengok sahabat tu tampung tempurung meminta sedeqah ke sana ke mari. Tapi kalau kita nak bagi kat peminta sedeqah, Islam galakkan kerana boleh pahala kat situ. Cumanya ALLAH tak suka hambaNya dok buat kerja minta sedeqah tak tentu arah. Jadi, Nabi s.a.w. bersumpah bahwa mereka-mereka jenih ni, ALLAH akan membuka pintu kepapaan untuk mereka. Maknanya me! reka tak akan kaya.

Inilah 3 perkara awal yang Nabi s.a.w. bersumpah. Dan dalam bahagian kedua hadith ini pula, Nabi s.a.w. menceritakan tentang 4 jenih manusia berhubung dengan ilmu dan berhubung dengan harta dunia. Mereka ialah :

i) mereka yang ALLAH beri ilmu dan harta. Lalu mereka memanafatkan ilmu dan harta tersebut ke jalan ALLAH. Dengan ilmu, dia menyebarkan Islam. Dengan hartanya, dia infaq fisabilillah sekadar yang dia mampu. Kata Rasulullah s.a.w. bahwa inilah keadaan manusia yang cukup baik sebab dia semulia-mulia makhluk di sisi ALLAH.

ii) jenih yang kedua ialah ALLAH beri dia ilmu agama sahaja tanpa harta. Walaupun dia takdak harta tapi kalau dia niat dalam hatinya, "Ish! ish! ish! kalaulah aku ada harta, aku akan laksanakan sepertimana orang yang pertama tadi. Akan aku bersedeqah fisabilillah, akan aku tolong fakir miskin, akan aku bantu maahad -maahad tahfiz yang terbengkalai."; bila dia berniat begitu je, maka dia dengan orang yang disebut pertama tadi mendapat pahala sama saja. Apa boleh buat, memang betul dia takdak harta, tapi kalau dia berniat ikhlas akan melakukan sungguh seperti apa yang dia niat, maka ALLAH akan bayar pahala kat dia sama macam orang yang ada ilmu dan harta tadi.

iii) golongan ke3 ialah ALLAH beri harta tapi takdak ilmu. Yang ni cukup banyak, tuan-tuan. Kereta ni hang sebut saja nak hat jenih lagumana; Merc, Ferrari, Porche?...Semuanya ada, sampai tak muat nak parking dalam rumah. Walaupun mereka dikelilingi kemewahan harta dunia tapi ALLAH tak kurniakan mereka dengan ilmu. Inilah dia istidraj. Drive saja Merc, tapi masjid tak pernah singgah. Kuliyyah tak pernah dengaq. Dia guna hartanya untuk buat jahat. Kereta mewahnya hanya kenal tempat-tempat maksiat sahaja. Bila dia guna hartanya untuk jalan yang bukan untuk taat kepada ALLAH SWT, maka dialah seburuk-buruk keadaan di sisi ALLAH...Nau zubillahi minzalik.

iv) yang ke4 ialah orang yang takdak ilmu mahupun harta. Yang ni paling banyak, tuan-tuan. Naik gerek buruk aje, tapi dia punya samseng lawan Islam takdak ayat. Kat kedai kopi, tiap-tiap hari bejabu dia punya maki Quran. Lempaq suratkhabar, "Puuuihhh! Negara Islam konoooon!"...Punyala samseng tuan-tuan, sampai kopi yang dia minum tu pun, tuan kedai bagi halai je. Jenih sembang deraih kat kedai kopi lagu ni, selalunya orang yang takdak ilmu tuan-tuan. Ada satu hari tu, bila dia terpaksa kena sembahyang pasai malu kat orang, dia mula gelabah pasai tak reti. Muaffiq pun tak tau, masbuq pun tak tau, apa hukum pun dia tak tau. Jenih ni kalau dia berniat dalam hati dia, "Ish! kalaulah aku dapat trade-in gerek buruk aku ni dengan proton 2nd hand pun jadilah. Habuan nak pi karaoke."! ...Kalau dia berniat begitu kata Rasulullah s.a.w., maka dosanya akan sama dia dapat macam orang yang ke3 tadi. Sebab tu, jangan main-main dengan niat tuan-tuan. Niat tak betoi je, Tuhan akan bayar time tu jugak. Walaupun kereta yang dia mimpikan tu belum ada lagi kat dia, tapi kerana niatnya yang jahat, ALLAH bayar kat dia dosa yang sama dengan dosa orang ke3...Nau zubillahi min zalik.

Inilah 4 golongan manusia yang berhubung dengan ilmu dan harta. Tuan-tuan boleh buat penilaian sendiri; dalam golongan mana tuan-tuan nak duduk?...Kalau tuan-tuan pilih nak duduk dalam golongan ke3 dan ke4, confirm neraka. Jadi, mau tak mau, kita terpaksa berusaha untuk masuk dalam golongan pertama dan

kedua, sebab confirm syurga. Jadi, dalam bahagian kedua hadith ini, Nabi s.a.w. mengajar kita bahwa betapa pentingnya niat ke arah kebenaran dan betapa lingkupnya niat ke arah kejahatan.

Kesimpulannya:

1) Pada awal hadith ini, Nabi s.a.w. bersumpah dengan 3 perkara. Yang pertamanya, tidak akan susut harta orang yang bersedeqah. Yang keduanya, tidak ada seseorang yang dizolimi apabila dia bersabar, maka ALLAH akan naikkan darjatnya. Dan yang ketiga, seseorang yang duduk dalam keadaan meminta sedeqah dengan tidak mahu bekerja, maka Nabi s.a.w. bersumpah bahwa ALLAH akan membuka pintu kepapaan kepadanya. Orang seperti ini akan jatuh miskin papa kedana.

2) Ust Halim Nasir tambah dengan 2 lagi hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a., yang berhubung dengan orang zolim. Balasan kepada orang yang zolim ialah ALLAH akan ambik dosa orang yang dizoliminya itu dan ditimpakan ke atasnya. Kemudian ditolaknya masuk ke dalam neraka...nau zubillah.

3) Dan Nabi s.a.w. tutup dengan cerita 4 golongan manusia berhubung dengan ilmu dan harta.

WALLAHU TA`ALA `ALAM.

WAHAI HATI

Pernah tak terasa dalam hidup kita sentiasa ingat seseorang,

ingin mendengar suaranya selalu dan kadangkala terasa dirinya begitu dekat meskipun jauh beribu batu????.....

Jika ada, itu namanya cinta. Cinta sesuatu elemen hidup yang amat misteri dan tersendiri. Ia sentiasa wujud bersama berdenyutnya nadi. Tidak kira apakah seseorang itu sudah berusia ataupun masih teruna/dara, rasa cintanya tetap wujud. Usah sangka orang yang sudah bongkok tiga sudah tidak memiliki cinta. Jauh didalam cinta terus segar dan mewangi.

Kita sudah dibungkus kebahagiaan, ada kalanya kita masih teringat si dia. Walaupun semuanya itu sudah bertahun berlalu, dia terasa begitu dekat. Kita masih ingat suaranya. Kita masih nampak senyum tawanya. Kita masih terdengar-dengar gurau sendanya.

Rasanya baru semalam berlalu. Tahu-tahu usia kita sudah menghampiri setengah abad. Sudah bertahun rupanya dia pergi meninggalkan kita atau kita yang pergi membawa kejujuran.

Terkadang rasa sunyi dan mahu mendengar kembali semua yang pernah kita dengari dari mulutnya. Kita mahu dia mengulanginya. Namun tidak mungkin, lantaran kita sekarang sudah hidup dalam persekitaran yang amat kondusif dan ekslusif, tersendiri amat.

Kata orang kita sudah terlalu tua untuk kembali bercinta. Tubuh kita mungkin sudah tidak upaya tapi minda dan harapan kita masih berbunga. Kita mereka-reka andaian itu dan ini. Angan-angan kita menerawang jauh. Imaginasi kita mereka sesuatu. Kita tersenyum dan menangis.

Wahai insan yang pernah bertaktha dihati, dimanakah engkau sekarang? Apakah engkau juga sering teringatkanku sebagaimana aku sentiasa teringatkanmu? Kita sering tertanya-tanya, di manakah dia. Kita sering memujuk hati kita supaya menerima hakikat bahawa dia 'telah tiada'. Tapi hati kita sukar hendak percaya. Ia terus teringat dan ia terus mereka-reka cerita. Pernah tak kita teringat seseorang dan kita amat merinduinya. Kita mahu segera berada disampingnya. Kita mahu dia mendengari kita? Itulah cinta namanya.

Misteri sungguh perasaan ini. Ia datang dan terus datang tanpa memperdulikan hakikat siapa kita lagi, dan siapa dia sekarang ini. Kita terus teringat dan terus teringat. Kita merindui suaranya, merindui gelak tawanya yang pernah kita simpan jauh disudut hati kita.Kita ingin sekali mendengar kata-kata cintanya terucap lagi di telinga kita.

Itulah cinta. Ia misteri yang tidak pernah berjaya diberikan jawapan oleh manusia sejak dulu hingga kini.

TUHAN menciptakan manusia bersama cinta dan kasih sayang. Bagaimanapun kita cuba menghilangkannya,
ia tetap datang dan datang.

Wahai, andainya kita diberi kesempatan untuk mengulangi semua kehidupan, ingin kita lakukan yang terbaik.
Namun, itu hanyalah ilusi. Kehidupan yang telah pergi tidak mungkin berulang. Usia yang telah terguna tidak
mungkin kembali. Urat telah jelas, tenaga semakin berkurangan, mata kian kabur, langkah semakin terhenti-henti, tapi hati masih mekar dan segar.

Wahai hati, sedarilah hidup ini pergi bersama sejarahnya. Sejarah yang telah berlalu tidak perlu diulangi. Biarkan ia kekal sebagai sejarah yang boleh dipelajari apa-apa teladan dan pengalaman daripadanya. Besok
yang bakal dihadapi lebih perlu untuk dibina bersama besarnya tekad dan tingginya azam. Muncullah sebagai
manusia yang gemilang lagi cemerlang.

"Wanita yang solehah adalah wanita yang taat kepada ALLAH". An-nisa:34

Cinta memang sentiasa muda, tidak pernah selari dengan usia yang kian bertambah.

"

CARA BERSALAM

Di sebalik jabat tangan

BERJABAT tangan, bersalam; satu amalan yang begitu ‘dekat’ dalam kehidupan masyarakat kita sejak dulu lagi. Ia sudah menjadi budaya dan kelaziman, serta pengukur tinggi budi seseorang.

Amalan bersalam tidak terbatas untuk masa tertentu saja, malah ia bagaikan satu kemestian dalam jalinan sesebuah hubungan interpersonal. Ia bukan saja diamalkan di kalangan orang kita saja, malah di peringkat global juga walaupun sesetengah negara mempunyai tradisi berlainan dalam menunjukkan ‘salam’ mereka.

Kita sudah terbiasa, bila berjumpa dan diperkenal dengan sesiapa, akan didahului dengan jabat tangan dan apabila hendak berpisah, salam turut dihulur sebagai tanda minta diri.

Dalam adat perkahwinan Melayu, sewaktu upacara lafaz akad nikah juga dilakukan secara bersalam antara jurunikah dan pengantin dan juga dalam dunia korporat, amalan ini sering dilihat di waktu perjumpaan, mesyuarat dan tidak ketinggalan di sesuatu majlis menandatangani perjanjian atau kerjasama perniagaan.

Jika dilihat dalam kehidupan seharian, khususnya dalam konteks kekeluargaan, bersalam dianggap sebagai tanda hormat kepada seseorang, daripada yang muda kepada yang tua, juga sebaliknya.

Malah, nilai murni ini diterapkan sejak kecil, dan pada peringkat itu lagi kita sudah dididik supaya bersalam dengan orang tua, selain membongkok sedikit bila berjalan di hadapan mereka. Tingginya nilai kedua-dua amalan ini dalam budaya kita hingga seseorang itu dikatakan kurang adab jika tidak melakukannya.

Melihat dari gaya hidup masa kini pula, amalan bersalam bukan lagi sekadar perlakuan menghulur dan menyambut tangan semata-mata, tetapi pelbagai jenis salam yang dilakukan segelintir masyarakat pada hari ini.

Diperhatikan, segelintir remaja dan golongan tertentu yang mempunyai gaya bersalam yang tersendiri. Ada yang berjabat tangan, kemudian bercalit ibu jari, ada yang bersalam kemudian berlaga pipi dan tak kurang juga yang sekadar bertampar tangan saja. Yang tak biasa bersalam pun ada!

Apapun gaya bersalam yang diamalkan, pokok-pangkalnya kembali kepada diri sendiri. Masing-masing mempunyai hak dalam menentukan tingkah laku masing-masing. Namun, pada zahirnya, setiap tindak-

tanduk dan perlakuan adalah refleksi kepada peribadi kita, seperti yang dikatakan Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Prof Madya Dr Noriah Mohamed.

Ikuti paparan nobel mengenai nilai bersalam dan apakah maksud tersirat yang terselindung di sebalik amalan ini.

Salam tanda hormat, kasih

“AMALAN bersalam sememangnya dianjurkan namun ia masih tertakluk kepada batasan tertentu.

“Biarpun ia suatu amalan yang dapat merapatkan hubungan persaudaraan dan persahabatan, ia perlu dilaksanakan dengan cara yang betul dan sesuai dengan adat dan kepercayaan kita,” kata Prof Madya Dr Noriah Mohamed.

Melihatkan cara segelintir orang kita bersalaman hari ini, katanya, dapat dikatakan bahawa kebanyakannya tidak benar-benar mengikut matlamat sebenar amalan bersalam.

Ada yang tidak bersungguh-sungguh, bersalam secara sambil lewa, jelasnya.

Beliau berkata, bersalam nampak seperti mudah, tetapi pada setiap gerak laku itu sebenarnya memberi makna. Dr Noriah turut memberi contoh bersalam yang wajar diamalkan.

“Pada saya, cara yang elok untuk bersalam adalah dengan menghulurkan kedua-dua tangan, digenggam sedikit, kemudian tangan dilekatkan ke dada masing-masing.

“Menghulur kedua-dua belah tangan menunjukkan kita ikhlas memberi salam dan menyambutnya dengan dua belah tangan pula menunjukkan kita benar-benar menghargai salam yang dihulurkan.

“Sesudah itu, apabila kita meletakkan tangan ke dada, menggambarkan bahawa kita menyematkan kasih sayang yang dihulur melalui salam itu ke hati, ”katanya.

Mengenai pelbagai cara bersalam ‘kontemporari’ yang diamalkan sekarang ini, Dr Noriah mengulas, kebanyakan cara bersalam yang ditampilkan itu ditiru daripada Barat yang kadangkala tidak bersesuaian dengan norma masyarakat kita yang kuat berpegang kepada adat dan agama.

“Mengapa perlu mengikut cara orang lain sedangkan budaya warisan kita sudah cukup cantik untuk diamal dan ditunjukkan?

“Kadang-kadang ia bukan saja tak manis dipandang, malah tidak membawa apa-apa makna, lari dari prinsip mengapa amalan ini digalakkan.

“Ada juga yang tidak menyedari cara bersalam yang mereka ‘pinjam’ dan praktikkan itu mungkin berasal daripada gaya sesetengah kumpulan tertentu seperti gangster atau kongsi gelap yang menggunakan cara berkenaan sebagai identiti mereka,” katanya.

Seelok-eloknya, kata Dr Noriah, sambil bersalam, mata memandang ke arah orang yang disalam.

“Ia menunjukkan yang kita hormat pada orang itu. Tidaklah seperti segelintir yang bersalam tapi tak pandang muka, malah ada juga yang menyentuh hujung jari saja. Itu tidak bagus dan bagi yang tidak selesa bersalam kerana perbezaan jantina, cukup sekadar senyum dan tunduk sedikit,” katanya.

Dr Noriah turut berpesan kepada generasi muda supaya memelihara budaya bersalam kerana ia melambangkan jati diri bangsa.

“Nilai seperti inilah yang melambangkan warisan dan budi pekerti sesuatu bangsa,” jelas beliau.

Info salam:
Menurut sejarah, amalan bersalam dalam Islam adalah tradisi kaum Yaman pada zaman pra-Islam yang kemudiannya tersebar mengikut perluasan empayar Islam.
Tujuan perlakuan salam pada zaman dulu adalah untuk membuktikan bahawa seseorang itu datang secara aman, tidak bersenjata.
Melalui salam, kita boleh mendapat gambaran mengenai hubungan yang bakal dilalui dengan orang yang

disalam.
Ia juga dapat menunjukkan ciri-ciri atau perangai seseorang itu.
Ada yang mengatakan orang yang mempunyai tapak tangan besar yang menilai melalui pandangan mata, seorang yang terurus dan bekerja mengikut kaedah.
Orang yang bertapak tangan kecil pula mempunyai perancangan yang besar, bervisi dan imaginatif serta tidak gemar kerja bersistem.
Jari yang panjang pula menunjukkan orang itu mengambil masa yang lama untuk membuat sesuatu keputusan dan kurang aktif.

Yang berjari pendek pula dikatakan agak panas baran, periang, materialistik dan suka mengawal.
Tangan yang berpeluh menunjukkan orang itu jenis yang tidak bermuka-muka.
Genggaman yang kuat menunjukkan orang itu suka mengongkong.
Jika yang menggenggam hanyalah jari, menunjukkan orang itu kurang yakin dengan hubungan yang terjalin.

Jenis Jabat Tangan

Jabat tangan basah - elakkan bersalam jika tangan anda sedang basah kerana ia agak menjijikkan. biasaanya tapak tangan akan berpeluh bila anda gugup, jadi pastikan ia kering sebelum bersalam.

Jabat tangan lembut - menunjukkan kelemahan, kurang keyakinan, dan kurang minat.

Jabat tangan sekadar sentuh - cara begini patut dihindari kerana ia akan membuat orang tidak suka kepada anda. Namun ia boleh terjadi bila anda dalam keadaan tergesa-gesa, oleh itu segeralah meminta maaf.

Jabat tangan peras - kadangkala yang bersalam itu ingin membuktikan bahawa dia yang paling kuat. Ada yang suka bersalam cara begini tetapi apa-apapun pastikan orang yang anda salam itu boleh menerima cara anda.